

"KITA dengan Al-Quran bukan lagi merupakan satu pilihan, tetapi adalah keutamaan dan kemestian. Kerana apa yang dibaca dari Al-Quran itu akan melahirkan ketenangan, sedang ketenangan menjadi punca kebahagiaan. Yang diamalkan pula menjadi kebajikan, sedang yang disuruh dan ditegahnya menjadi rahmat dan peringat." - Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1429 Hijrah / 2008 Masihi.



Pelita BRUNEI

كَلْبَرِيَّةٌ

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

"...DAN siapa yang sakit atau dalam musafir, maka bolehlah ia berbuka, kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Dengan ketetapan yang demikian itu Allah mengkehendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa sebulan Ramadan, dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya dan supaya kamu bersyukur." - Firmata Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqaroh, ayat 185.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 50

25 APRIL 2018 / 1439 9 شعبان

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Berangkat rasmi HBT 2018

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 April. - Tujuh negara akan memulakan misi merebut Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak bagi Belia ASEAN 2018 (HBT 2018) bermula sejurus Upacara Pembukaan Rasmi HBT 2018 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang penuh meriah dengan kehadiran ribuan rakyat dan pendukung yang sama-sama memberikan sokongan.

Ke muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat merasmikan Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak bagi Belia ASEAN 2018. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit. (Lihat muka 3, 12 dan 13).

Tunaikan pengagihan kurma kurnia dengan penuh amanah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

TUNGKU LINK, Isnin, 23 April. - Pelbagai cara telah diambil oleh pihak Yayasan dalam memperbaiki kaedah pengagihan kurma kurnia peribadi, tetapi masih juga kedengaran ada pihak tidak menerima kurma kurnia peribadi tersebut.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bersabda, perkara seperti ini tidak sepatutnya terjadi, kerana jumlah kurma didatangkan berasaskan statistik yang diberikan oleh penghulu dan ketua kampung melalui Jabatan Daerah.

Semasa berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Pelancaran Pengagihan Buah Kurma Kurnia

Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini, DYTM menyeru semua pihak yang diamanahkan mengagihkan kurma kurnia peribadi, sama ada di peringkat jabatan mahu pun pemimpin-pemimpin akar umbi khususnya sebagai *front line agent* akan sentiasa dapat memainkan peranan dan tugas masing-masing dengan lebih berkesan dan penuh dedikasi.

"Sama-samalah kita berusaha agar tidak lagi ada sungutan dan aduan di kalangan orang Islam di negara ini yang menyatakan mereka masih dan tidak menerima

sebarang kurma kurnia peribadi paduka ayahanda," sabda DYTM.

Terdahulu, DYTM bersabda, bulan Ramadan yang akan menjelang tidak lama lagi adalah merupakan kesempatan yang terbaik, dalam meninjau semula sejauh mana dapat melaksanakan amanah pengagihan kurma kurnia peribadi dengan sebaik-baiknya.

DYTM bersabda, selain melaksanakan ibadah puasa dan memakmurkan masjid di malam hari dengan menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih, memperbanyakkan membaca Al-Quran dan menghidupkan malam-malamnya dengan Qiamullail, ia juga dituntut untuk mengisi bulan Ramadan dengan pelbagai amalan yang berkebaikan.

"Amalan yang berkebaikan yang dimaksudkan di sini ialah menunaikan amanah raja yang

sama-sama kita kasihi dengan sebaiknya melalui pengagihan kurma kurnia peribadi baginda," sabda DYTM.



Muka 4 dan 5

KEBAWAH DYMM Raja Isteri berkenan berangkat ke Majlis Berbedak

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN



Institusi keluarga berperanan penting membentuk masyarakat, negara

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera

ALHAMDULILLAH, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, dengan izin-Nya jua, kita dapat berkumpul di Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi, Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) Bagi Tahun 2018.

Terlebih dahulu, peramba / saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kehadiran Yang Mulia Timbalan Pengerusi, ahli-ahli dan wakil-wakil ahli ke mesyuarat kita pada pagi ini.

Mengimbas kembali, Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HKK Kali Ke-7 Bagi Tahun 2018 pada 30 Januari yang lalu yang mana telah pun dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri Pertahanan II, selaku mantan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Mesyuarat tersebut antara lain telah membincangkan format Sambutan HKK bagi tahun ini, iaitu Sambutan HKK sebagai salah satu wadah untuk memperkukuhkan institusi keluarga akan terus ditani dengan meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya rasa kasih sayang di antara ahli keluarga untuk menjana kebahagiaan dan keharmonian keluarga dan rumah tangga.

Peramba / saya juga telah difahamkan bahawa format sambutan pada tahun ini telah diatur berdasarkan amalan-amalan terbaik daripada sambutan-sambutan sebelum ini. Oleh itu, peramba / saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat mantan Pengerusi-Pengerusi dan juga mantan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HKK yang telah banyak menyumbangkan buah fikiran dan tenaga bagi menjayakan Sambutan HKK dari setahun ke setahun. Peramba / saya berharap penglibatan, kerjasama dan persepaduan yang terlaksana setakat ini akan dapat diteruskan, dan malah dipertingkatkan, bagi sama-sama menjayakan sambutan.

Sejak Sambutan HKK mula dilaksanakan enam tahun yang lalu sehinggalah ke hari ini, kita sememangnya menambah baik secara berterusan bagi mendapatkan impak sambutan yang lebih bermakna dan berpanjangan.

Kita menyedari bahawa program-program kekeluargaan yang dilaksanakan tidak sepatutnya hanya tertumpu kepada memeriahkan sambutan, malah apa yang lebih penting ialah bagi mencapai matlamat-matlamat yang telah dipersetujui dari awal pengisytiharan HKK pada tahun 2012. Dalam hubungan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa menyampaikan ucapan mukadimah pada Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Ke-2 Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) Kali Ke-7 / 2018 pada Isnin, 29 Rejab 1439 Hijrah bersamaan 16 April 2018 Masihi di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

ini, kita perlu senantiasa menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2012, agar kita "*Tidak wajar terlepas pandang dengan melupakan peranan institusi keluarga melalui keluarga yang bahagia lagi sempurna.*" Baginda juga bertitah bahawa adalah "*Tidak diragukan lagi (institusi keluarga) adalah mampu untuk mengatasi pelbagai bagi isu sosial dengan lebih berkesan.*"

Adalah diperakui bahawa institusi keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan sebuah masyarakat dan negara yang berintegrasi tinggi dan ia diibaratkan tiang yang menjadi asas sebuah rumah untuk berdiri megah. Oleh itu terpinpinnya sebuah keluarga akan mampu melahirkan sebuah masyarakat yang sejahtera dan cemerlang manakala rapuhnya sebuah keluarga akhirnya akan meruntuhkan masyarakat dan negara. Justeru itu, fokus sambutan pada tahun ini termasuklah permasalahan penyalahgunaan dadah yang turut menyumbang kepada peningkatan

keganasan rumah tangga dan menggugat keharmonian serta kesejahteraan institusi keluarga. Ke arah ini, isu sedemikian perlulah diambil kira dalam merancang program-program pengukuhan institusi keluarga di sepanjang tahun. Peramba / saya berharap akan dapat mendengar penekanan terhadap fokus ini dalam aktiviti-aktiviti yang diaturkan oleh jawatankuasa-jawatankuasa kerja nanti.

Peramba / saya ingin mengingatkan bahawa HKK hanya tinggal 21 hari lagi daripada sekarang. Ini bermakna kita hanya mempunyai tiga minggu saja lagi untuk mempayukan dan memantapkan persediaan kita.

Oleh itu, bagi memastikan kejayaan sambutan pada tahun ini, peramba / saya mengharapkan semua pihak termasuk dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta, pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan NGO serta pemimpin akar umbi masyarakat, khususnya Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Kerja akan memberikan komitmen yang sepadu; berganding bahu melipatgandakan usaha menggerakkan acara-acara sambutan, sama ada di peringkat kebangsaan, daerah, mukim, kampung, mahupun di peringkat organisasi, persatuan, masyarakat, ataupun kumpulan keluarga masing-masing.

Kita percaya pendekatan Whole of Nation dalam melaksanakan apa jua program teras atau strategik negara adalah cara yang paling berkesan. Justeru, Sambutan HKK merupakan satu wadah untuk kita menyatukan usaha secara Whole of Nation dalam menyapaikan mesej mengenai kepentingan keharmonian keluarga dan pengukuhan institusi keluarga untuk mengatasi segala cabaran, terutama sekali dalam perpaduan masyarakat dan pembangunan negara.

Dalam hubungan ini, sukacita peramba / saya memaklumkan bahawa pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun menyebarkan cadangan format sambutan iaitu hasil daripada Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HKK tersebut ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya bagi menjunjung keberangkatan baginda ke acara Perhimpunan Keluarga: Riadah Berbasikal Keluarga Harmoni pada hari Ahad 6 Mei 2018. Alhamdulillah, sukacita dimaklumkan bahawa Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah berkenan kepada perkara-perkara yang disembahkan seperti berikut :

Ke muka 11

Dari Sidang
Pengarang.

25 APRIL 2018 BERSAMAAN 1439 شعبان 9

TUNAIKAN AMANAH PENGAGIHAN KURMA KURNIA PERIBADI

BULAN Ramadan tidak sampai sebulan lagi akan menjelang dan memang dinanti-nantikan oleh seluruh umat Islam di dunia kerana pada bulan tersebut kita akan dapat menunaikan ibadah puasa memakmurkan masjid di malam hari dengan menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih, memperbanyakkan membaca Al-Quran dan menghidupkan malam-malam dengan Qiyamullail serta melaksanakan dan meningkatkan amalan ibadah-ibadah yang berkebaikan.

Amalan-amalan yang berkebaikan tersebut termasuklah menunaikan amanah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan sebaik-baiknya melalui pengagihan buah kurma kurnia peribadi baginda yang baginda kurmiakan sejak sekian lama untuk santapan berbuka puasa seluruh umat Islam di negara ini.

Pada tahun ini, sejumlah 157.8 tan metrik buah kurma jenis Safawy yang dibekalkan oleh Al Madinah Dates Company, Arab Saudi akan dibahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini dengan tidak mengandahkan umur dan taraf kerakyatan dengan setiap seorang Islam akan menerima satu kotak kecil yang mengandungi 300 gram.

Buah kurma merupakan juadah kegemaran umat Islam di bulan Ramadan. Ianya mempunyai banyak manfaat dan kelebihan untuk kesihatan tubuh. Umat Islam yang berbuka puasa dengan kurma, tidak hanya mendapatkan pahala kerana mengikuti ajaran sunnah Rasulullah tetapi juga mendapatkan banyak manfaat.

Menyentuh Kurnia Kurma Peribadi Kebawah DYMM merupakan salah satu projek khas yang dilaksanakan oleh YSHHB. Ianya juga telah diamanahkan mengurus pengagihannya pada setiap tahun dan seterusnya dilaksanakan melalui semua Ketua-Ketua Kampung dan kepada mereka yang berkenaan yang telah dipertanggungjawabkan bagi mengagihkan buah kurma kurnia peribadi tersebut mengikut tatacara pembahagian yang telah ditetapkan dan menggunakan kebijaksanaan mereka masing-masing supaya buah kurma kurnia peribadi ini akan diterima dengan baik dan sempurna dan seterusnya dinikmati oleh setiap orang yang beragama Islam di negara ini.

Apa yang penting di sini, sesiapa atau pihak-pihak yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan dalam menani tugas mengagihkan kurma kurnia peribadi mestilah memikul tanggungjawab tersebut dengan sebaik-baiknya. Kerana dengan adanya komitmen dan dedikasi semua pihak yang terlibat seperti Pegawai-pegawai Daerah, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung termasuk segenap lapisan masyarakat dalam sama-sama berganding bahu kearah melaksanakannya dengan sempurna dan teratur.

Demikian sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB pada Majlis Pelancaran Pengagihan Buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM baru-baru ini.

Sabda DYTM, semua pihak yang diamanahkan mengagihkan kurma kurnia peribadi adalah umpama *front line agent* yang memainkan peranan dan tugas masing-masing dengan lebih berkesan dan penuh dedikasi sepertimana yang dihasratkan agar tidak ada sungatan dan aduan di kalangan umat Islam di negara ini yang menyatakan tidak menerima kurma kurnia peribadi. Di sinilah sifat amanah amat penting dilaksanakan oleh mereka yang dipertanggungjawabkan mengagihkan kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM.

Tanpa mempunyai sifat amanah, sententunya gejala-gejala buruk seperti rasuah, menyalahgunakan kuasa, tidak menghormati masa bekerja dan lari daripada tanggungjawab akan berleluasa dan sententunya boleh membantut segala usahanya yang diamanahkan. Apa yang penting semua pihak perlu meningkatkan azam untuk terus memupuk sifat amanah dalam diri masing-masing dan setiap apa yang dikerjakan mendapat keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan yang demikian, pengurniaan buah kurma untuk juadah berbuka puasa ini adalah merupakan salah satu nikmat anugerah yang berterusan daripada Allah Subhanahu Wata'ala di syukuri. Di bulan Ramadan akan datang adalah bulan ibadah, bulan di mana umat Islam digalakkan untuk berbuat kebajikan bagi meraih rahmat yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala. - Ketua Penyuntingan (Zs).

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
BANDAR SERI BEGAWAN			
30 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
PEKAN BANGAR			
30 24 °C	32 24 °C	31 24 °C	
PEKAN TUTONG			
30 24 °C	32 25 °C	32 25 °C	
KUALA BELAIT			
31 24 °C	32 25 °C	32 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi APRIL	HARI	Hijrah SYAABAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
25	RABU	9	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
26	KHAMIS	10	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.37
27	JUMAAT	11	4.40	4.50	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26	7.38
28	SABTU	12	4.40	4.50	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
29	AHAD	13	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
30	ISNIN	14	4.39	4.49	6.09	6.32	12.19	3.35	6.26	7.38
1 MEI	SELASA	15	4.39	4.49	6.09	6.32	12.18	3.35	6.26	7.38

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS 993** | **BOMBA 995** | **PENYELAMAT 998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDCM
123 | 2380214

Berangkat rasmi HBT 2018



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Perlawanan Pembukaan Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 (HBT 2018). Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam, selaku Penasihat Jawatankuasa Tertinggi HBT 2018 dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
 Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohamad Noor /
 Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad



Dari muka 1

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merasmikan kejohanan menyeronokkan lagi majlis, yang pastinya akan menjadi ristaan manis HBT tahun ini.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah.



Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah. Juga berangkat ialah anakanda DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.

Ke muka 12 dan 13



SUASANA warna-warni pada Perasmian HBT 2018.

Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan berangkat ke Majlis Berbedak



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Majlis Berbedak bagi Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah, anakanda kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menculiki bedak kepada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi,
Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Selasa, 24 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam

berkenan berangkat menghadiri Majlis Berbedak bagi Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah, anakanda kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum

Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Ke muka 5



BERANGKAT sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Rakiah serta kerabat diraja yang lain.



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan menculiki bedak kepada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam, bonda Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah berkenan menculiki bedak pada majlis berkenaan (kanan dan kanan sekali).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat menghadiri Majlis Berbedak bagi Majlis Perkahwinan di antara Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris dengan Yang Mulia Dayang Nur Akmalina binti Leftenan Kolonel (B) Awang Iskandar. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, bonda Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah; ayahanda Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris serta kerabat diraja yang lain.

Dari muka 4

Menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha pada majlis yang berlangsung di Baitun Na'aim tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Rakhiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah.

Juga berangkat cucunda-cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerabat diraja yang lain.

Pada majlis tersebut, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menculiki bedak kepada Yang Amat Mulia

Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah diikuti dengan kerabat diraja yang lain.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Juga berangkat dan hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ahli-ahli keluarga.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah daripada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah dan ayahanda Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris berkenan menculiki bedak pada Majlis Berbedak tersebut.



Pengagihhan Kurma Kurnia Kebawah DYMM dilancarkan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB) berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Pengagihhan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1439 Hijrah / 2018 Masihi (kiri). Manakala gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda pada majlis tersebut.



DYTM berkenan menyempurnakan pengagihhan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM kepada wakil jabatan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUNGKU LINK, Isnin, 23 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB) berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Pelancaran Pengagihhan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1439 Hijrah / 2018 Masihi.

Menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam ialah Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB, berserta Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB dan Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Pada majlis tersebut, DYTM berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya menyerahkan buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM kepada Penghulu-penghulu dan

Ketua-ketua Kampung di seluruh negara serta kepada Pemerintah-pemerintah Tentera, Komandan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pengarah-Pengarah Formasi Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Dalam pada itu, semua Penghulu mukim (yang memangku jawatan Ketua-ketua Kampung) dan Ketua-ketua Kampung seterusnya akan mengagih-agihkan buah kurma kurnia peribadi itu kepada anak-anak buah kampung di bawah jagaan mereka masing-masing.

Begitu juga bagi Pemerintah-pemerintah dan Komandan-komandan ABDB serta Pengarah-pengarah Formasi dan Pegawai-pegawai Pemerintah PDB seterusnya akan mengagih-agihkan buah kurma peribadi ini kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah jabatan dan Unit Formasi masing-masing.

Pada tahun ini, sejumlah 157.8 tan metrik buah kurma jenis 'Safawy' akan dibahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di seluruh negara.

Setiap umat Islam yang menetap di negara ini tanpa mengira had umur dan taraf kerakyatan akan menerima kurnia buah kurma mereka, di mana setiap seorang akan menerima satu kotak kecil kurma yang mengandungi 300 gram.

Bagi memastikan pembahagian buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM dikendalikan dengan sempurna, YSHHB telah menyediakan tatacara pembahagian dan borang khas yang akan diedarkan melalui ketua-ketua kampung di seluruh negara.

YSHHB mengharapkan semua Ketua Kampung dan mereka yang berkenaan yang telah dipertanggungjawabkan bagi mengagih-agihkan buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM ini akan mengikuti tatacara pembahagian yang telah ditetapkan, dan menggunakan borang yang dihaskan serta menggunakan kebijaksanaan mereka masing-masing supaya buah kurma kurnia peribadi ini akan diterima dengan baik dan sempurna, dan seterusnya dinikmati oleh setiap orang yang beragama Islam di negara ini sebagai juadah berbuka puasa semasa bulan Ramadan nanti.

Pengurniaan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM ini mencerminkan sikap pemedulian dan kasih baginda.

Adalah wajar bagi seluruh rakyat dan penduduk di negara ini khususnya, mereka yang beragama Islam untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas kurnia baginda ini.

Juga hadir, Ahli-ahli Jemaah Tadbir serta Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pemerintah ABDB, Pesuruhjaya Polis, Pegawai-pegawai Daerah, Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung serta Ketua-ketua Rumah Panjang di seluruh negara, pegawai-pegawai kanan kerajaan yang terlibat dalam pengendalian pengagihhan buah-buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM dan wakil-wakil dari Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di seluruh negara.

526,000 kotak kurma Safawi akan diagihkan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUNGKU LINK, Isnin, 23 April. - Pengurniaan buah-buah kurma dihasratkan sebagai juadah berbuka puasa pada bulan Ramadan.

Pengurniaan tahunan yang telah berjalan sekian lama ini jelas mencerminkan rasa kasih dan pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini.

Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB) menyatakan perkara itu dalam sembah alu-aluan pada Majlis Pelancaran Pengagihhan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

"Pada tahun ini, Yayasan ayahanda Duli Tuanku telah membuat pembelian kurma, iaitu jenis Safawi sebanyak 157.8 tan metrik, iaitu sebanyak 526,000 kotak kecil untuk dibahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk Islam, termasuklah pekerja-pekerja asing yang beragama Islam di negara ini," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, sifir atau kadar pembahagian adalah satu kotak kecil, iaitu 300gm bagi setiap orang yang beragama Islam tanpa mengira umur.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, dengan keberangkatan DYTM ke majlis itu mencerminkan tanda keprihatinan mendalam dan berterusan DYTM ke atas usaha YSHHB, khususnya dalam menyempurnakan hajat Kebawah DYMM untuk mengurniakan amal sedekah secara khusus, iaitu kurnia peribadi berupa buah kurma sempena bulan Ramadan Al-Mubarak yang tidak lama lagi akan menjelang tiba.



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dalam sembah alu-aluannya.

Vaksin efektif pencegah penyakit

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEBawan, Selasa, 24 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar antara lain berkata, sempena Minggu Imunisasi Sedunia 24 - 30 April 2018, pemberian vaksin adalah merupakan salah satu intervensi kesihatan awam yang sangat penting lagi kos efektif dalam pencegahan penyakit-penyakit dan seterusnya bagi menangani isu-isu kesihatan global.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia katanya, telah melaporkan bahawa program imunisasi yang berkesan boleh mencegah antara dua hingga tiga juta kematian setiap tahun di seluruh dunia.

Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam meraikan Minggu Imunisasi Sedunia 2018 dari 24 hingga 30 April 2018.

Minggu Imunisasi Sedunia disambut setiap tahun dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan individu, keluarga dan masyarakat untuk mengambil perhatian dan memainkan peranan aktif dalam membantu mengurangkan beban global penyakit-penyakit yang boleh dicegah melalui pemberian vaksin.

Tema sambutan pada tahun

ini, 'Perlindungan Bersama, #VaksinBerkesan' atau 'Protected Together, #VaccinesWork' adalah untuk menarik perhatian semua mengenai pentingnya tindakan secara bersepadu dalam bersama memastikan setiap individu dilindungi dari penyakit-penyakit yang dapat dicegah melalui pemberian vaksin, dan seterusnya untuk menambah liputan imunisasi negara bagi kebaikan semua pihak.

Walau bagaimanapun, ujarnya, masih terdapat lebih 19 juta kanak-kanak di dunia ini yang masih belum mendapat vaksin yang sepenuhnya yang menyebabkan mereka dikategorikan sebagai kumpulan yang berisiko tinggi untuk menghadapi penyakit-penyakit berbahaya dan boleh mengancam nyawa.

Seperti yang kita ketahui tambahan, program imunisasi bagi kanak-kanak dapat mencegah penyakit, kecacatan dan kematian seperti dari penyakit Hepatitis B, Campak (Measles), Beguk (Mumps), Polio dan Tetanus.

Begitu juga dengan pemberian vaksin bagi mereka yang berisiko tinggi seperti penghidap penyakit-penyakit kronik, pengendali

makanan dan pekerja-pekerja kesihatan (*front liners*) dapat memberikan perlindungan daripada penyakit-penyakit yang boleh mengancam nyawa seperti Influenza dan Meningitis yang lazimnya dihadapi semasa umur dewasa. Manakala Vaksin Human Papilloma Virus yang dikhususkan untuk kanak-kanak perempuan di Tahun 7 persekolahan juga adalah terbukti dapat mencegah atau mengurangkan risiko Kanser Servik apabila mereka meningkat dewasa nanti.

Kadar liputan imunisasi dalam kalangan kanak-kanak yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia ialah sekurang-kurangnya 90 peratus. Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam telah berjaya mencapai dan mengekalkan kadar liputan imunisasi melebihi 95 peratus, sejak lima tahun lalu, melalui pelaksanaan Program Imunisasi Kebangsaan dan dengan kerjasama pelbagai pihak yang berkepentingan termasuklah kerjasama para ibu bapa dan penjaga kanak-kanak.

Liputan imunisasi tegas Yang Berhormat, perlu diteruskan kerana program imunisasi telah terbukti boleh menyelamatkan nyawa dan mampu mengubah kehidupan ke arah yang lebih berkualiti tinggi dan masa depan yang lebih cerah, bagi menuju ke arah generasi akan datang yang

mempunyai daya kekebalan bagi mencegah penyakit-penyakit berjangkit; sihat dari segi mental dan fizikal, aktif, produktif dan sekali gus insyaaAllah akan mewujudkan masyarakat yang sihat pada masa akan datang.

Mengikut peruntukan di bawah Akta Penyakit Berjangkit 2003 Seksyen 47 Bab 1 antara lain menyatakan bahawa para ibu bapa atau penjaga hendaklah memastikan anak-anak mereka diberikan vaksinasi lengkap bagi melindungi dari penyakit-penyakit berjangkit yang meliputi 10 penyakit, iaitu Diphtheria, Haemophilus Influenza B, Hepatitis B, Measles, Mumps, Pertussis, Polio, Rubella, Tetanus dan Tuberculosis.

Bagi tujuan itu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyeru para ibu bapa untuk mengambil serius akan tanggungjawab mereka untuk sama-sama memastikan anak-anak mereka menerima vaksinasi yang lengkap mengikut jadual yang telah ditetapkan dan menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Pusat-Pusat Kesihatan dan Klinik-Klinik Kesihatan di seluruh negara.

Kementerian Kesihatan jelasnya, sangat mengharapkan sokongan padu berterusan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

dan penglibatan proaktif daripada pelbagai pihak yang berkepentingan dan berkenaan untuk sama-sama bertanggungjawab dan komited ke arah meningkatkan dan mengukuhkan lagi tahap kesihatan negara iaitu dengan sama-sama memastikan keluarga dan masyarakat menerima vaksin yang sepatutnya, bagi mencapai sebagaimana tema kali ini 'Perlindungan Bersama, #VaksinBerkesan'.

Sarjan (B) Hamri, kini miliki rumah sendiri



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud menyerahkan replika kunci rumah baharu kepada Sarjan (B) 10730 Hamri bin Haji Braim (kiri). Sementara gambar kanan, Pemerintah ABDB merasmikan rumah baharu tersebut, yang mana ia merupakan Projek Titian Amal sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin

MUKIM PENGKALAN BATU, Isnin, 23 April. - Sarjan (B) 10730 Hamri bin Haji Braim berasa bersyukur dan bertuah kerana memiliki rumah sendiri melalui Projek Titian Amal sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Projek yang dilaksanakan setiap tahun itu adalah usaha kerjasama antara ABDB dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) serta Pejabat Daerah

Brunei dan Muara.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyerahkan sijil serta kunci kepada penerima ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud di Kampung Junjongan, di sini.

Terdahulu, 718 Mejar (U) Amierul Halpi bin Talip dalam ucapannya menyatakan, kediaman lama penerima Hamri beserta keluarga seramai 12 orang adalah tidak selamat dan tidak sesuai



untuk didiami.

Justeru itu, pihak ABDB katanya, telah menyalurkan semula kerja pembinaan rumah penerima tersebut yang terbengkalai dari tahun 2008.

Acara itu juga diselenggarakan dengan tetamu kehormat menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada penaja-penaja.

Projek itu turut menerima bantuan sumbangan daripada beberapa penaja-penaja yang terdiri daripada DAELIM Industrial Co Ltd, HSE Engineering Sdn. Bhd., Global Ocean Pool and Construction Sdn.

Bhd., Syarikat Pembangunan Haji Awang Ibrahim P.P.W Haji Mohammad Sdn. Bhd., Shazan Trading Sdn. Bhd., Royal Brunei Technical Services, Bian Hoe Sdn. Bhd., Butra Heidelberg Cement (BHC) Sdn. Bhd. (Brunei Cement), Gedung Perniagaan Hua Ho Sdn. Bhd. (Cawangan Kiulap) dan Takaful Brunei Am.

Sementara itu, tenaga kerja yang membantu menjalankan projek berkenaan terdiri daripada anggota-anggota Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), serta kontraktor-kontraktor di bawah

Kementerian Pertahanan.

Pelaksanaan projek itu mengambil masa lebih kurang sembilan bulan untuk disiapkan.

Penerima, 10730 Sarjan (B) Hamri semasa ditemui melahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada mereka yg terlibat dalam bantuan berkenaan.

Dengan adanya projek seumpama itu akan dapat lagi meringankan beban keluarga yang memerlukan bantuan selain mengeratkan hubungan dan kerjasama di antara ABDB dengan agensi-agensi kerajaan dan persatuan-persatuan bukan kerajaan (NGOs) dalam membantu golongan atau keluarga yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan pada masa hadapan.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari; Pemangku Pengarah JAPEM, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd. Tahir; Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mistle bin Haji Abdul Karim; Pemerintah-Pemerintah Angkatan Tentera dan Komandan - komandan, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan dan ABDB, pegawai-pegawai kanan JAPEM, Ahli-ahli Persatuan Bekas Perajurit Negara Brunei Darussalam dan para penaja.

Kerja ada kaitan dengan hari akhirat

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 April. - Berkhidmat itu datang dari hati yang akan dapat dinilai tinggi di sisi Allah.

Dalam Islam, kerja ada kaitannya dengan hari akhirat, tuntutan agama dan berkait rapat dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan secara tidak langsung, kerja menjadi tujuan hidup kita sebagai hamba Allah yang perlu menjadi baik dan khalifah untuk memberi kebaikan kepada yang lain.

Itu yang membezakan kerja umat Islam dengan yang belum Islam, yang kerjanya mungkin hanya untuk menyara kehidupan.

Demikianlah antara inti pati ceramah yang disampaikan oleh Penceramah Tetap Pusat Da'wah Islamiah, Dr. Andas Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah dengan tajuk ceramahnya 'Tingkatkan Darjat Di Sisi Allah Semasa Berkerja' pada

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj 1439 Hijrah / 2018 Masihi bagi Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian berkenaan, yang mana acara kali ini diumumkan bersama oleh Jabatan Teknologi Penjagaan Kesihatan serta Jabatan Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar dan Datin Dr. Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Kesihatan.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah beramai-ramai dan acara turut diserikan dengan Persembahan Tausyeh dari Al Muneer, Kelab Tausyeh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB).

Majlis adalah salah satu aktiviti tahunan Kementerian Kesihatan, bertujuan untuk memupuk dan mengeratkan silaturrahim di antara warga Kementerian Kesihatan, di samping memeriahkan lagi sambutan Israk dan Mikraj pada tahun ini.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar (tiga, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj 1439 Hijrah / 2018 Masihi bagi Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

UPPA terus barigakan khidmat bantu solat pesakit



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman (tengah) selaku Ahli Lembaga Pengarah Pusat Pakar Pantai Jerudong semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembarigakan Khidmat Bantu Solat Pesakit dan Aplikasi Mudah Alih iBantu Solat bertempat di Dewan Kuliah, Tingkat RF, Pusat Kanser Brunei (TBCC), Pusat Pakar Pantai Jerudong.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

JERUDONG, Selasa, 24 April. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Unit Pembaharuan Perkhidmatan Awam (UPPA), Jabatan Pentadbiran meneruskan lagi Majlis Pembarigakan Khidmat Bantu Solat Pesakit dan Aplikasi Mudah Alih iBantu Solat bertempat di Dewan Kuliah, Tingkat RF, Pusat Kanser Brunei (TBCC), Pusat Pakar Pantai Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato

Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman selaku Ahli Lembaga Pengarah Pusat Pakar Pantai Jerudong.

Tayangan video mengenai Pengenalan Rakan Bantu Solat Pesakit (RBSP) dan Aplikasi Mudah Alih iBantu Solat oleh UPPA dapat membantu mereka yang hadir bagaimana menunaikan sembahyang fardu ketika sakit.

Juga ditunjukkan ialah demonstrasi daripada empat wakil RBSP, iaitu Awang Ahmad Syujaie bin Mudim Haji Metassin; Awang Muhammad Abdul Hanif bin Haji

Mohd. Salleh; Dayang Norafilah binti Sulong dan Dayangku Nur Ajaimah binti Pengiran Ajak.

Bahan-bahan terbitan diagihkan dan diserahkan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang kepada tetamu kehormat majlis.

Pembarigakan tersebut untuk memperkenalkan khidmat tersebut ke hospital-hospital di setiap daerah, sekali gus membarigakan Aplikasi Mudah Alih iBantu Solat dan bahan-bahan terbitan.

Ia diharap akan dapat memperkembangkan lagi khidmat dan aplikasi berkenaan, seterusnya membantu memantapkan lagi Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir.

Sembilan belia ditangkap terlibat penyalahgunaan dadah

Siaran Akhbar : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 April. - Seramai sembilan belia lelaki dalam lingkungan umur 22 - 24 tahun termasuk lapan penuntut dari dua buah institusi pengajian tinggi di negara ini telah ditangkap oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) dalam satu serbuan di asrama penuntut lelaki di salah sebuah institusi yang berkenaan kerana disyaki terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah.

Serbuan dibuat pada pukul 1.15 pagi, 20 April 2018 semasa penuntut tersebut sedang merayakan sambutan sempena "420" iaitu sambutan yang berkaitan dengan pengambilan dadah ganja setiap 20 April.

Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan ke atas bilik kediaman, BKN telah menemui dan merampas beberapa paket dan lipatan kertas yang mengandungi daun-daun kering yang dipercayai dadah ganja sejumlah 63 gram (berat kasar) serta peralatan untuk mengambil dadah.

Penuntut-penuntut dan belia tersebut akan disiasat di bawah Seksyen 6(a) Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27 iaitu atas kesalahan memiliki dadah terkawal yang boleh membawa hukuman penjara sehingga tempoh 10 tahun atau denda sebanyak BND20,000 atau kedua-duanya; Seksyen 6(b) APD, Penggal 27 iaitu kesalahan memakan dadah terkawal yang boleh membawa hukuman penjara sehingga tempoh 10 tahun atau denda sebanyak BND20,000 atau kedua-duanya; dan Seksyen 7, APD Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki alat perkakas yang digunakan untuk mengambil dadah yang boleh membawa hukuman penjara sehingga tempoh 3 tahun atau denda sebanyak BND10,000 atau kedua-duanya.

Kesemua pesalah mengakui telah menerima maklumat mengenai keburukan kesalahan jenayah dadah di sisi

undang-undang. BKN ingin mengingatkan kepada para belia termasuk penuntut dalam dan luar negara agar tidak terpengaruh dengan pandangan sesetengah negara terhadap penggunaan dadah ganja ataupun apa jua bahan-bahan yang mengkhayalkan apatah lagi untuk ikut serta dalam merayakan sambutan-sambutan yang menyalahi agama dan undang-undang negara.

Penuntut-penuntut perlu menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan membuat pilihan bijak dalam membuat sebarang keputusan agar tidak mensia-siakan masa depan diri sendiri dan harapan keluarga dan negara.

BKN juga ingin mengingatkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan jika terlibat dengan apa jua bentuk aktiviti berhubung dengan penyalahgunaan dadah dan setiap kesalahan yang menyalahi undang-undang diperuntukkan akan dijatuhi hukuman di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27.

BKN juga mengambil kesempatan ini untuk menyarankan kepada ibu bapa atau penjaga agar sentiasa memata-matai aktiviti anak-anak mereka termasuk memantau rakan-rakan mereka walaupun mereka sudah menuntun di peringkat tertinggi kerana kita tidak dapat memberikan jaminan bahawa mereka tidak akan terpengaruh dengan sebarang gejala sosial termasuk penyalahgunaan dadah.

BKN juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dan sokongan dalam pembanterasannya aktiviti jenayah dadah di negara ini. Sebarang maklumat yang mencurigakan berhubung dengan kegiatan penyalahgunaan dadah boleh menghubungi dalam talian +673 2448877 (waktu pejabat), hotline +673 8777444 (selepas waktu pejabat) atau emel kepada ncb@narcotics.gov.bn.

Dua pemandu dikenakan kompaun tidak memakai tali pinggang keledar

Siaran Akhbar dan Foto: Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 April. - Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) mengeluarkan kompaun kepada dua orang pemandu kerana didapati bersalah di bawah Peraturan 8 (1) Peraturan-Peraturan Kenderaan Bermotor (Tali Pinggang Keledar) 1988 kerana tidak memakai tali pinggang keledar semasa memandu.

Kedua-dua pemandu tersebut ialah Foo Lee Kim (00-957883), warga tempatan dengan bilangan pendaftaran kenderaan BAA 9188 sementara seorang lagi warganegara Malaysia, Hii Leh Na (51-856866) dengan pendaftaran kenderaan BAJ 8488.

Kompaun dikeluarkan semasa Operasi Bergerak (On The Move

Operation) untuk memastikan semua pemandu dan kenderaan di jalan raya tidak melanggar sebarang Akta dan Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya.

Sehubungan ini, Jabatan Pengangkutan Darat akan terus menasihatkan orang ramai terutama pemandu-pemandu kenderaan bermotor agar sentiasa mematuhi Akta dan Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya dan memberikan kerjasama yang berterusan bagi memastikan keselamatan, kesejahteraan dan

kelesaan orang ramai khususnya para pengguna jalan raya adalah terjaga.

Kegagalan pemandu mematuhi Akta dan Peraturan yang telah ditetapkan khusus bagi kesalahan tidak memakai tali pinggang keledar semasa memandu akan dikenakan kompaun dan Mata Demerit berikut: Kesalahan Pertama - BND150 dan 9 Mata Demerit; Kesalahan Kedua - BND300 dan 9 Mata Demerit; Kesalahan Ketiga - BND500 dan 9 Mata Demerit; dan Kesalahan Keempat - Pemandu Boleh Dihadapkan ke Mahkamah.

Bil	Nama Pemandu	No. KFP	Bilangan Pendaftaran Kenderaan
1	Foo Lee Kim	00-957883	BAA 9188
2	Hii Leh Na	51-856866	BAJ 8488

BST menyahtarakan kapal 'Bebatik dan Belanak'



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof semasa hadir pada Majlis Resepsi bagi menandakan penyahtaraan (*decommissioning*) kapal-kapal Kelas B Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad diadakan di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Hotel & Country Club. Juga hadir ialah Pengarah Urusan BST dan BGC, John Douglas Cook (kiri dan kanan).

JERUDONG, Isnin, 23 April. - Majlis Resepsi bagi menandakan penyahtaraan (*decommissioning*) kapal-kapal Kelas B Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad (BST) diadakan di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Hotel & Country Club.

Ia dianjurkan oleh Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) itu menandakan berakhirnya era kapal-kapal Kelas B BST selepas dua buah kapal terakhir kelas berkenaan, iaitu 'Bebatik' dan 'Belanak' akan ditamatkan operasinya masing-masing pada bulan April dan Jun tahun ini.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Turut hadir, Pengarah Urusan BST dan BGC, John Douglas Cook.

Yang Berhormat juga merasmikan pelancaran buku yang diterbitkan bagi memperingati kapal-kapal Kelas B berkenaan bertajuk 'Finished with Engines'.

Terdahulu, Pengurus QHSSE BGC, Kapten Abdul Mateen Abdurrahman Liew dalam ucapannya berkata, selama lebih 45 tahun kapal-kapal Kelas B

itu berterusan menyediakan perkhidmatan perkapalan LNG yang selamat dan dipercayai kepada Projek LNG Brunei dan pelanggan-pelanggannya.

Menurutnya, kapal tersebut juga berjaya menyelesaikan lebih 6,300 penghantaran kargo juga menavigasikan laluan kira-kira 4,000 kilometer antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun.

Beliau menambah, kapal-kapal Kelas B itu memainkan peranan penting dalam pembangunan komuniti pelaut-pelaut LNG tempatan.

Melalui kapal-kapal Kelas B tersebut, jelasnya, BGC sekarang

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

mempunyai beberapa Master Mariners dan Chief Engineers pertamanya di mana dengan berakhirnya operasi kapal kelas berkenaan, peranan mereka telah dipindahkan ke kapal-kapal Kelas A dalam usaha BGC untuk terus membangunkan pelaut-pelaut tempatan bagi mendukung Wawasan 2035 dan menyesuaikan dengan visi BGC.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei

Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Christian Ramage; Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Lindsay, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan dari beberapa organisasi kerajaan juga sektor swasta.

MABBIM perlukan kerjasama mantap



PEMANGKU Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Dayang Hajah Norati binti Bakar, selaku Ketua Perwakilan Brunei Darussalam ketika memberikan ucapan alu-aluan pada Sidang Pakar Ke-31 Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) (kanan). Manakala gambar kiri, antara delegasi yang hadir pada sidang tersebut termasuk Ketua Perwakilan Malaysia ialah Haji Johari bin Hassan, sementara Azhari Dasman Darnis, M. Hum selaku Ketua Perutusan dari Indonesia.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Isnin, 23 April. - Negara menjadi tuan rumah penyelenggaraan Sidang Pakar Ke-31 Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia (MABBIM) yang mana majlis perasmianya berlangsung di Hotel Parkview, di sini.

Seminar itu merupakan salah satu persidangan yang diadakan pada setiap tahun, mengikut giliran menjadi tuan rumah penyelenggaraan sidang antara negara anggota Brunei

Darussalam, Indonesia dan Malaysia.

Menerusi ucapan pembukaan sidang yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Dayang Hajah Norati binti Bakar, selaku Ketua Perwakilan Brunei Darussalam menjelaskan, sebanyak empat jawatankuasa / komisi MABBIM akan bersidang dan saling memerlukan kerjasama serta kombinasi gagasan yang mantap dalam menindakkanjuti

rencana kerja yang telah direncanakan oleh jawatankuasa / komisi masing-masing.

Selain itu, sidang juga akan membincangkan usulan penilaian / evaluasi MABBIM dan Projek Wordnet Bahasa sebelum dimajukan ke Sidang Eksekutif Ke-57 MABBIM.

"Dari itu, saya berharap agar cita-cita murni kita dalam mendukung perancangan bahasa yang mantap demi memastikan bahasa Melayu / Indonesia dapat menjadi pemangkin kepada peradaban sosial setiap negara anggota," terang Dayang Hajah Norati lagi.

Antara objektifnya sebagai wahana perkongsian ilmu dan

pertukaran idea serantau antara ketiga-tiga negara anggota MABBIM melalui pembentangan daripada ketiga-tiga negara anggota MABBIM.

Selain itu, ia juga bagi menyebarkan perkembangan bahasa Melayu / Indonesia dalam kalangan anggota dan masyarakat umum, untuk menjadikan bahasa Melayu / Indonesia berperanan sebagai bahasa ilmu tinggi.

Ia juga bertujuan untuk memperkaya khazanah ilmu melalui bahasa Melayu / Indonesia dalam pelbagai disiplin ilmu bagi penerbitan bahan kuliah untuk menjadi rujukan asas kepada masyarakat dan pengkaji-pengkaji bahasa serta membuat kajian

perbandingan / deskriptif antara ketiga-tiga negara anggota untuk mencari ruang bagi memberi cadangan terhadap penyelesaian masalah.

Sidang tersebut akan diadakan selama dua hari bermula hari ini, sejurus sebelum Seminar Kebahasaan dan Sidang Eksekutif diadakan yang mana hasil dari Sidang Pakar tersebut akan dilaporkan dan dibawa ke Sidang Eksekutif untuk diminta pertimbangan dan persetujuan.

Hadir selaku Ketua Perwakilan Malaysia ialah Haji Johari bin Hassan, sementara Azhari Dasman Darnis, M. Hum selaku Ketua Perutusan dari Indonesia.

Pengambilan pekerja domestik tidak melebihi BND1,500

Siaran Akhbar : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 April. - Dalam usaha Jabatan Buruh untuk meningkatkan perkhidmatan kepada orang ramai di dalam pengambilan pekerja domestik, Jabatan Buruh telah membukakan tawaran bagi orang awam untuk mendapatkan Lesen Agensi Pekerjaan bagi Kategori 'A' sahaja dan tawaran tersebut dibukakan bermula 30 November sehingga 30 Disember 2017.

Antara syarat-syarat asas yang dikemukakan bagi mendapatkan Lesen Agensi Pekerjaan Kategori 'A' tersebut adalah pemohon / pemilik / rakan kongsi hendaklah terdiri daripada warga negara atau penduduk tetap sahaja; Lesen Agensi Pekerjaan tersebut hanya ditawarkan bagi Kategori 'A', iaitu pengurusan pekerja domestik atau amah sahaja dan harga keseluruhan bagi memproses / mendatangkan pekerja asing hendaklah tidak melebihi BND1,500 bagi seorang pekerja.

Beberapa permohonan telah pun diterima oleh Jabatan Buruh dari orang awam untuk mendapatkan Lesen Agensi Pekerjaan Kategori 'A' tersebut, di mana jabatan berkenaan telah meneliti kertas kerja tawaran tersebut dan menemu duga setiap syarikat-syarikat berkenaan, bagi memastikan setiap butiran berkenaan dan tawaran yang dihadapkan akan memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai.

Perkara-perkara yang diteliti antara lain termasuklah butiran-butiran perkhidmatan yang ditawarkan, tempoh jaminan atau *warranty*, tatacara menangani aduan majikan terhadap pekerja, butiran-butiran caj dan lain-lain. Empat syarikat telah berjaya memenuhi syarat-syarat asas yang dikemukakan oleh Jabatan Buruh.

Agensi-agensi tersebut adalah D'Maid 4U Employment Agency di No. 4, Simpang 563, Kampung Lumapas, Mukim Lumapas, Nombor (No.) Telefon +673 8744268 / +673 8242244; Ganda Sakti Employment Agency, Bangunan HRHD, Tingkat 1, Unit No. 4, Simpang 102, Kampung Mulaut, No. Telefon +673 8183884; Suyanti Sarji Employment Agency, Bangunan Hajah Saerah binti Haji Lukman, Tingkat Bawah, No. 1C, SPG. 185-42, Kampung Katok, No. Telefon +673 8846557 / +673 7119742; dan Waqqash Employment Agency, Unit 9, Block B, Simpang 49-8-6, Kampung Jerudong, BG 3122, No. Telefon +673 7178745.

Jabatan ini akan membuat pemantauan ke atas kegiatan agensi yang baru dilantik tersebut dari semasa ke semasa.

Jika didapati pihak agensi tersebut memberikan caj harga melebihi dari caj harga yang ditetapkan, iaitu BND1,500, Jabatan Buruh akan mengambil tindakan yang bersesuaian, termasuklah pembatalan atau penarikan balik lesen agensi tersebut.

Orang ramai juga boleh membuat aduan ke Jabatan Buruh jika agensi-agensi yang akan dilesenkan ini memberikan caj harga pengambilan melebihi dari caj harga yang telah ditetapkan.

Jabatan Buruh juga ingin menjelaskan bahawa inisiatif tersebut, di mana harga yang dikenakan ke atas perkhidmatan pengambilan pekerja domestik tidak melebihi BND1,500 ini tidak akan dilaksanakan ke atas Agensi Pekerjaan yang sudah berdaftar sebanyak 104 agensi pekerjaan ataupun Agensi Pekerjaan yang akan membarui Lesen Agensi Pekerjaan mereka.

Walau bagaimanapun, jabatan itu akan terus meneliti semula dasar-dasar tersebut dari semasa ke semasa bagi melindungi kepentingan orang awam di Negara Brunei Darussalam.

Bagi mendapatkan senarai agensi-agensi baharu dilesenkan tersebut, orang awam boleh melayari laman sesawang Jabatan Buruh, di alamat <http://www.labour.gov.bn/Theme/Home.aspx>, atau menghubungi Bahagian Piawaian dan Agensi Pekerjaan, Jabatan Buruh melalui talian +673 2380256 sambungan 2102 atau e-mel ke info.buruh@buruh.gov.bn.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad (depan, empat dari kiri) bergambar ramai bersama Juruaudit-juruaudit yang dilantik oleh pihak Pertubuhan Maritim Antarabangsa, perwakilan dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang terlibat serta pegawai dan kakitangan MPA.

MPA adakan IMO, IMSAS

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam

MUARA, Isnin, 23 April. - Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (MPA) mengadakan Mesyuarat Pembukaan bagi 'International Maritime Organisation (IMO) Member States Audit Scheme (IMSAS)' bertempat di Dewan Al-Fath, Bangunan Ibu Pejabat MPA di Muara, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad ia juga dihadiri oleh Juruaudit-Juruaudit yang telah dilantik oleh pihak Pertubuhan Maritim Antarabangsa, perwakilan dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang terlibat serta pegawai dan kakitangan MPA.

Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli kepada Pertubuhan Maritim Antarabangsa sejak tahun 1984 dan sejak itu telah mensahkan sebanyak sembilan konvensyen, di antaranya ialah Konvensyen Antarabangsa untuk Keselamatan di Laut (International Convention for Safety of Life at Sea) dan Konvensyen Antarabangsa untuk Pencegahan Pencemaran dari Kapal (International Convention for the Prevention of Pollution from Ships).

IMO Member State Audit Scheme (IMSAS) tersebut

merupakan skim audit yang telah dijadikan mandatori ke atas setiap negara-negara ahli kepada IMO bermula 1 Januari 2016.

Sehingga penghujung tahun 2017, sebanyak 39 negara ahli kepada pertubuhan tersebut telah menjalani skim audit berkenaan. Skim audit itu merupakan inisiatif Pertubuhan Maritim Antarabangsa dalam menentukan sejauh mana negara-negara ahli telah melaksanakan kewajipan serta tanggungjawab yang terangkum di dalam konvensyen-konvensyen pertubuhan tersebut.

Audit ke atas Negara Brunei Darussalam itu akan berlangsung selama lapan hari sehingga 30 April 2018. Audit tersebut akan memberikan tahap penilaian ke atas keberkesanan Negara Brunei Darussalam dalam mentadbir, melaksanakan dan menguatkuasakan instrumen-instrumen mandatori yang terangkum di bawah skim audit ini.

Sebanyak lapan instrumen-instrumen mandatori terkandung di bawah skim audit ini, iaitu The International Convention for the Safety of Life at Sea, 1974, as amended; The International Convention for the Prevention of Pollution from Ships, 1973, as modified by the Protocol of 1978 relating thereto, as

amended; The Protocol of 1997 to amend the International Convention for the Prevention of Pollution from Ships, as modified by the Protocol of 1978 relating thereto; The International Convention on Standards of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers, as amended; The International Convention on Load Lines, 1966; The Protocol of 1988 relating to the International Convention on Load Lines, 1966; The International Convention on Tonnage Measurement of Ships, 1969; dan The Convention on the International Regulations for Preventing Collisions at Sea, 1972, as amended.

Pada akhir audit tersebut, negara ahli akan diberikan hasil penilaian audit yang dilaksanakan dan melalui penilaian tersebut ia dihasratkan akan dapat membantu negara ahli dalam menambah baik tahap pentadbiran, pelaksanaan dan penguatkuasaan instrumen-instrumen mandatori.

Hasil penilaian audit berkenaan bertujuan untuk membantu negara ahli dalam meningkatkan keupayaan dan prestasi secara menyeluruh dalam melaksanakan konvensyen - konvensyen Pertubuhan Maritim Antarabangsa lainnya.

Penilaian tersebut juga dihasratkan dalam membantu negara ahli menjaga kepentingan keselamatan sektor maritim, membantu penambahbaikan dan pemeliharaan alam sekitar maritim secara keseluruhan.

Kedutaan Jepun tawarkan Program Biasiswa

Siaran Akhbar :
Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 April. - Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam kini membukakan permohonan kepada para pelajar Brunei yang berminat untuk mengikuti Program Biasiswa Kerajaan Jepun Tahun 2019.

Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Sukan dan Teknologi (MEXT), Jepun menawarkan biasiswa kepada pelajar antarabangsa yang ingin belajar di Jepun di bawah Program Biasiswa Kerajaan Jepun (MEXT) setiap tahun.

Biasiswa berkenaan bertujuan untuk memupuk sumber manusia

melalui pengajian di Jepun, yang akan menjadi jambatan persahabatan di antara Brunei dan Jepun yang menyumbang pada pembangunan kedua-dua negara dan dunia yang lebih luas.

Terdapat empat jenis biasiswa yang ditawarkan di bawah program itu, iaitu seorang pelajar penyelidikan; dua pelajar sarjana muda; tiga pelajar kolej teknologi; dan empat pelajar kolej latihan khusus.

Komposisi setiap program

berbeza, tetapi semuanya meliputi tuisyen, perbelanjaan hidup serta kos pengangkutan di antara Brunei dan Jepun.

Ini adalah peluang yang berharga bagi rakyat Brunei untuk belajar di Jepun, yang akan membawa mereka memperluas wawasan dan meningkatkan prospek pekerjaan masa depan.

Di bawah program ini, pelajar bukan sahaja berpeluang untuk meningkatkan kelayakan

akademik, tetapi juga untuk lebih mempelajari orang-orang Jepun dan budaya serta bahasa mereka.

Pelajar yang berminat dikehendaki mengemukakan dokumen permohonan mereka kepada Kedutaan Jepun ke Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari Jumaat, 8 Jun 2018.

Maklumat lanjut dan dokumen permohonan boleh diperolehi dari laman web Kedutaan Jepun di http://www.bn.emb-j-pan.go.jp/itpr_en/education.html.

Institusi keluarga berperanan penting membentuk masyarakat, negara

Dari muka 2

1) Pertama, Tarikh Sambutan. Seperti yang kita maklumi HKK disambut pada setiap hari Ahad pertama pada bulan Mei. Oleh itu, pada tahun ini, HKK akan jatuh pada 6 Mei 2018 Masihi bersamaan dengan 20 Syaaban 1439 Hijrah.

2) Kedua, Tema Sambutan. Tema Sambutan HKK 2017 iaitu 'Keluargaku Penyayang, Negara Gemilang' akan dikekalkan dengan fokus untuk meningkatkan kesedaran pentingnya rasa kasih sayang di antara ahli keluarga dan pencegahan penyalahgunaan dadah untuk menjana kebahagiaan dan keharmonian keluarga dan rumah tangga.

Format Sambutan HKK 2018 merangkumi empat acara utama iaitu :

i. Pertama, Majlis Kesyukuran sempena Sambutan HKK Ke-7 (2018) diadakan pada hari Khamis malam Jumaat, 17 Syaaban 1439H bersamaan 3 Mei 2018M. Majlis ini akan diadakan di semua masjid utama di keempat-empat daerah dengan tumpuan di masjid-masjid utama di setiap daerah. Baginda juga memperkenalkan cadangan baharu jawatankuasa iaitu sebagai wadah mensepadukan kerjasama dan komitmen berterusan agensi-agensi kerajaan, setiap majlis akan dihos oleh Yang Berhormat

Menteri-Menteri Penyelaras Bersama Majlis Perhimpunan Keluarga iaitu Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Menteri Hal Ehwal Ugama, Menteri Kesihatan dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Manakala tetamu-tetamu kehormat adalah terdiri daripada Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang lain menurut senioriti yang akan dikongsikan sebentar lagi;

ii. Kedua, Majlis Perhimpunan Keluarga iaitu bermula dengan acara Masjidku Makmur, Negara Berkat, diikuti dengan acara Riadah Berbasikal Keluarga Harmoni dan Riadah Keluarga Harmoni.

Alhamdulillah, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan untuk berangkat menghadiri Acara Perhimpunan Keluarga ini. Baginda jua telah mengurniakan titah perkenan untuk pilihan laluan bagi Riadah Berbasikal disamakan seperti Riadah Berbasikal sempena Hari Kebangsaan Ke-34 yang lalu;

(iii) Ketiga, Majlis Anakku Kesayanganku pula akan berlangsung pada hari Isnin, 21 Syaaban 1439H bersamaan 7 Mei 2018M di hospital-hospital setiap daerah. Majlis Anakku Kesayanganku ini akan dihoskan oleh para isteri Menteri-Menteri Penyelaras

Bersama Majlis Perhimpunan Keluarga sementara tetamu-tetamu kehormat adalah daripada isteri-isteri Menteri-Menteri Kabinet yang terpilih; seperti yang akan juga dikongsikan sebentar nanti; dan

(iv) Keempat, Kempen Mempromosi Keluarga Penyayang. Pembarigaan Sambutan HKK 2018 akan dipertingkatkan untuk menggalakkan setiap lapisan masyarakat untuk mengukuhkan lagi jalinan kasih sayang dan hubungan silaturrahim di antara semua ahli keluarga sama ada yang dekat mahupun yang jauh dengan penekanan bagi setiap lapisan masyarakat khususnya: untuk menjauhi penyalahgunaan dadah. Kempen promosi ini akan membawa mesej untuk disebarluaskan iaitu 'Keluargaku Penyayang, Negara Gemilang'.

Untuk makluman, semasa Mesyuarat Majlis Kebangsaan Isu Sosial pada 27 Mac 2018 yang lalu, majlis telah memberikan endorsement bagi pelaksanaan Pelan Tindakan Keluarga yang telah diteliti semula.

Pelan Tindakan Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak ini akan dibarigakan pada 6 Mei 2018 sempena Sambutan HKK. Ini adalah bertepatan memandangkan salah satu inisiatif utama di dalam Pelan

Tindakan Keluarga tersebut ialah Sambutan HKK sebagai satu program teras ke arah pengukuhan institusi keluarga.

Alhamdulillah, peramba / saya juga difahamkan Jawatankuasa Kerja telah pun bersidang bagi kali kedua pada 10 April 2018 yang lalu untuk membincangkan perkembangan tindakan-tindakan persiapan bagi acara-acara Sambutan HKK 2018.

Oleh yang sedemikian, pada mesyuarat pagi ini kita akan mendengar laporan-laporan mengenai status terkini persediaan tersebut dan bagi para ahli untuk memberikan pandangan, nasihat atau apa jua nilai tambah kepada kesempurnaan dan kejayaan sambutan pada tahun ini.

Bagi mengakhiri ucapan peramba / saya sekali lagi peramba / saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli dan wakil ahli atas kehadiran biskita. Apa yang kita harapkan ialah kita akan sama-sama dapat berbincang secara aktif dengan perbincangan positif ke arah ide-ide penambahbaikan bagi mencapai hasrat dan objektif serta kesempurnaan pelaksanaan Sambutan HKK 2018.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



KURANGKAN PENGAMBILAN GARAM

FAKTA GARAM

Sodium Chloride (NaCl) atau Natrium Klorida adalah nama lain untuk garam. Badan memerlukan sedikit garam sahaja (1 sudu teh sehari atau bersamaan dengan 5g) untuk berfungsi secara normal.

Sodium atau Natrium dalam darah bertindak seperti span, menghisap air ke dalam badan dan menaikkan tekanan darah di seluruh badan. Mengambil banyak garam dikaitkan dengan penyakit tekanan darah tinggi yang boleh membawa kepada strok/lumpuh, masalah buah pinggang atau penyakit jantung.

MENGENAL GARAM DALAM MAKANAN

Kebanyakan kita makan garam secara berlebihan. Kita tidak menyedari perkara ini kerana garam tersembunyi di sebalik makanan-makanan lain seperti :-

- Ikan masin, telur masin, sayur masin; makanan-makanan berproses dan diawet seperti makanan dalam tin; bahan perasa lain seperti serbuk perasa (MSG), kicap, sos cili, sos tomato, sos tiram, kiub perasa dan bumbu dalam mi segera; makanan segera seperti kentang goreng, keropok, keju, burger dan sosej.
- Lain-lain bentuk garam adalah seperti monosodium glutamate (MSG), sodium bicarbonate atau baking soda, sodium citrate dan lain-lain bahan berasaskan sodium atau nitrate.

TIP MENGURANGKAN GARAM DALAM MASAKAN

Kurangkan sedikit demi sedikit garam dalam masakan awda

- Kurangkan bahan yang banyak garam dalam masakan awda.
- Kurangkan tabiat suka menambah kicap, sos cili, sos tomato dalam hidangan awda.
- Hentikan penggunaan serbuk perasa sedikit demi sedikit.
- Bertukar kepada rempah, daun sup, bawang, ketumbar, daun parsli, bawang putih, halia, serai, lengkuas dan perasa-perasa asli untuk menyedapkan masakan.
- Rendam makanan masin di dalam air selama 30 minit sebelum memasak.

Tukar tabiat suka makan keropok, kuaci, mi segera, kacang goreng, jeruk, samboi, coklat dan seumpamanya kepada buah-buahan segar, ubi rebus/panggang, jagung, roti, biskut kurang garam atau sandwich.

Berangkat rasmi HBT 2018

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad



Dari muka 3

Keberangkatan Kebawah DYMM berserta kerabat diraja dijunjung oleh DYT M Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD), selaku Penasihat Jawatankuasa Tertinggi HBT 2018; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Haji Abu Bakar.

Turut menjunjung keberangkatan ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pendidikan, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).
Sejurus keberangkatan tiba, lagu kebangsaan dimainkan dan Kebawah DYMM seterusnya berkenan merasmikan HBT 2018.
Baginda kemudiannya disembahkan kepada pengurus-pengurus pasukan, jurulatih dan ketua-ketua pasukan dan seterusnya menyempurnakan pengurniaan cenderamata kepada pengurus-pengurus pasukan.
Kebawah DYMM juga berkenan menerima pesambah daripada Ahli Jawatankuasa HBT 2018 yang disembahkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.
Majlis Perasmian HBT 2018 turut diserikan dengan persembahan Human LED oleh seramai 2,500 peserta gabungan penuntut-penuntut dari 11 buah sekolah menengah serta pegawai dan kakitangan kerajaan.
Pembukaan tirai perlawanan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada HBT Kejuhanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam, selaku Penasihat Jawatankuasa Tertinggi HBT 2018 dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digaong Sahibul Mai Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah sejurus berangkat tiba pada perasmian Piala Hassanal Bolkiah Kejuhanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 (HBT 2018). Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.



menyaksikan pertemuan pasukan Negara Brunei Darussalam dengan pasukan Timor Leste.

HBT 2018 merupakan anjuran KKBS dengan kerjasama NFABD, dan pada tahun ini ia disertai oleh tujuh buah negara, iaitu Kemboja, Laos, Myanmar, Singapura, Thailand, Timor Leste dan Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah.

Kejuhanan yang bermula malam ini dijangka berakhir pada 5 Mei depan dengan menyandarkan dua buah venue perlawanan, iaitu Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Negara Brunei Darussalam telah berjaya menganjurkan kejuhanan yang berprestij ini sejak tahun 2002, diikuti pada tahun 2005, 2007, 2012, dan 2014 di mana Negara Brunei Darussalam pernah menjuarai kejuhanan ini pada tahun 2012 dan pada tahun 2014 telah dijuarai oleh Myanmar.

Kejuhanan bertujuan untuk mendokong tith Kebawah DYMM untuk melibatkan pasukan terbaik di rantau ASEAN,

untuk bersaing dalam liga bola sepak ASEAN atau Asia Tenggara, di samping memberikan pendedahan dan kebolehan dalam kesukanan ASEAN kepada dunia.

Selain itu, dengan memberi peluang bagi pemain muda untuk bersaing di luar negara, rangkaian atau *networking* dalam kalangan peserta-peserta ini akan dapat dibentuk dan seterusnya mewujudkan pemahaman budaya yang berbeza dalam masyarakat ASEAN.

Dengan pengendalian kejuhanan ini, akan memberikan peluang kepada peminat

bola sepak tanah air menyaksikan perlawanan-perlawanan yang berkualiti melalui aksi pemain-pemain muda yang berpotensi besar dalam sukan bola sepak.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahman bersama paduka-paduka anakanda Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntagim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah turut berangkat menyaksikan kejuhanan tersebut.



BARISAN lalu pasukan Negara Brunei Darussalam.



WARNA-WARNI mercun menyemarakkan lagi kemeriahan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



ANTARA aksi yang dipamerkan oleh pasukan Negara Brunei Darussalam menentang pasukan Timor Leste pada HBT 2018.



ANTARA peserta gabungan penuntut-penuntut dari 11 buah sekolah menengah serta pegawai dan kakitangan kerajaan pada persembahan Human LED (kiri), sementara gambar kanan, antara penyokong pasukan negara pada perlawanan tersebut.





UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Tajuk Tawaran :

1) UNISSA / SB0001 / 2018 / 2019 MEMBEKAL PEKERJA (BURUH) BAGI UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) SELAMA SATU (1) TAHUN

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen tawaran boleh diperoleh :
BAHAGIAN KEWANGAN TINGKAT 1 BANGUNAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN SIMPANG 347 JALAN PASAR BAHARU GADONG, BE1310 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

NOTA : Dokumen tawaran akan mengandungi borang sebut harga, spesifikasi dan / atau syarat-syarat tawaran dan juga borang pengakuan integriti penender.

3. Pada waktu-waktu (termasuk menerima yuran tawaran) seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.00 Pagi**

4. Yuran tawaran adalah **BND10.00** sahaja dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah.

5. Segala kehendak dalam borang sebut harga mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.

6. Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan dan dialamatkan kepada :

PENGERUSI SEBUT HARGA UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI SIMPANG 347 JALAN PASAR BAHARU GADONG, BE1310 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

7. Tawaran hendaklah disimpan di dalam sampul surat tertutup rapi. Di sampul surat berkenaan hendaklah ditulis di sebelah kiri atas tanpa menyatakan sebarang nama atau logo syarikat.

8. Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat **Rabu, 2 Mei 2018, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat dihantar tidak akan diterima.

9. Sijil pendaftaran syarikat / Nama-nama Perniagaan (Form 16 & 17 / Form X) hendaklah disertakan bersama tawaran.

10. Sijil Pengiktirafan dari Kementerian Pembangunan, AITI dan yang berkenaan bagi kerja-kerja yang berkaitan.

Para pemborong yang berhajat untuk menyertai tawaran ini adalah di saran untuk merujuk syarat dan maklumat penuh di tempat pengambilan dokumen tawaran sepertimana yang dinyatakan di atas.



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. TAWARAN sebut harga adalah dibukakan kepada semua kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil pendaftaran perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II) dan Sijil Pendaftaran Seksyen 16 & 17.

- Kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan dalam Kategori Perkhidmatan [E & P], iaitu P05, E01 dan E03.

- Manakala bagi kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran mekanikal atau bengkel mestilah mempunyai Lesen Pembekal [M], iaitu M01, M02 & M03 Kementerian Pembangunan atau Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

- Dan kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran perkhidmatan dan pemeliharaan mestilah mempunyai Lesen Perkhidmatan [S] iaitu S01, S02 dan S03 Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Selasa, 24 April 2018 (tidak lewat jam 2.00 Petang)

Tarikh tutup sebut harga :
Rabu, 25 April 2018 (hingga jam 2.00 Petang)

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Tingkat Bawah Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Perhubungan Bandar Seri Begawan, BB2513 Negara Brunei Darussalam.

3. Iklan sebut harga bolehlah dilihat melalui laman sesawang :
<http://www.civil-aviation.gov.bn>

4. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran sebut harga dikehendaki memperoleh dokumen-dokumen dari **Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam** dengan membayar **yuran dokumen sebanyak BND10.00 (hardcopy)** - tidak dikembalikan bagi setiap tawaran sebut harga dan pembayaran hanya diterima pada waktu bekerja seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi dan
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi**

5. Sesi taklimat tawaran (*briefing*) seterusnya lawatan ke tapak (*site visit*) bagi tawaran sebut harga diadakan seperti berikut :

Pada : **23 April 2018 (Isnin).**

Jam :
**8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi atau
1.45 Petang hingga 3.00 Petang**

Tempat berkumpul :
Dewan Serbaguna Bangunan Kejuruteraan Dan Pemeliharaan Aset (AME) Jabatan Penerbangan Awam Negara Brunei Darussalam.

Peringatan : Para penender yang berhajat menyertai tawaran ini disarankan untuk merujuk maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

Tajuk Sebut Harga 1 :
SUPPLY AND INSTALL NEW ALADDIN CANVAS TENT AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION
Bilangan Sebut Harga :
AME / 2018-2019 / SH - 32

Tarikh iklan / mengambil dokumen sebut harga :
Bermula Rabu, 18 April 2018 selama dua (2) minggu

Tarikh terakhir mengambil dokumen sebut harga :

JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi : THE SUPPLY AND DELIVERY OF HYDROGEN GAS FOR UPPER AIR OBSERVATION TO THE BRUNEI DARUSSALAM METEOROLOGICAL DEPARTMENT

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis dengan :

TAWARAN BAGI : "THE SUPPLY AND DELIVERY OF HYDROGEN GAS FOR UPPER AIR OBSERVATION TO THE BRUNEI DARUSSALAM METEOROLOGICAL DEPARTMENT"

Bilangan Tawaran :
JKBD / 2017 / SH-21 (R)

Tarikh Tutup : **Rabu, 9 Mei 2018**

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Kajicuaca Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam Tingkat 1, Bahagian Kewangan Blok B23 Flat Anggerek Desa Simpang 32 - 37 Kampung Anggerek, BB3713 Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran hendaklah sampai kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga** yang beralamat di atas tidak lewat dari **jam**

2.00 Petang pada Rabu, 9 Mei 2018. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen tawaran boleh diperoleh semasa waktu-waktu bekerja dengan harga BND5.00 senaskah (tidak dikembalikan) dari :

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam Tingkat 1, Bahagian Kewangan Blok B23, Flat Anggerek Desa Simpang 32 - 37 Kampung Anggerek, BB3713 Negara Brunei Darussalam.

Untuk keterangan lanjut bolehlah menghubungi Jabatan Kajicuaca di talian +673 2381342.

5. Sebut harga mestilah dihantar dengan menggunakan borang yang telah disediakan. Jumlah harga tawaran hendaklah dicatat / ditulis dengan betul dan jelas demi mengelakkan sebut harga tidak akan dilayan. barang yang ditawarkan hendaklah menepati kehendak spesifikasi seperti dinyatakan di dalam **Lampiran TS**.

6. Sebut harga hendaklah sah sehingga **120 hari** dari tarikh tutup sebut harga.

7. Penender hendaklah menyertakan **salinan sijil pendaftaran** yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan berserta **salinan kad pintar atau paspot pemilik**.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.



KEMENTERIAN KEWANGAN

JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM (SEBUT HARGA) PERALATAN DAN PERABOT PEJABAT TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG TAWARAN : SABTU, 12 MEI 2018 JAM 2.00 PETANG

TAWARAN ini dipelawa kepada orang ramai dan syarikat-syarikat.

Borang tawaran boleh diperoleh di **Kaunter Penerimaan, Tingkat 15, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwat Korporat, Kementerian Kewangan** pada Isnin hingga Khamis, 8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi dengan harga BND5.00 tunai (wang tidak akan dikembalikan) dan membawa bersama kad pengenalan asal. Orang ramai dan syarikat-syarikat bolehlah melihat barangan tersebut pada tarikh, jam dan tempat seperti berikut :

Pada : **28 April 2018 / 30 April 2018 / 1 Mei 2018 / 5 Mei 2018 / 10 Mei 2018**
Jam : **2.00 Petang hingga 4.00 Petang**

Tempat : **Letak kereta Kompleks Stor Negara Gadong, Jabatan Perbendaharaan**

Borang tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan ditulis seperti berikut :

JUALAN SECARA TAWARAN AWAM (SEBUT HARGA) RUJUKAN : KKW / ADM / 69 PERALATAN DAN PERABOT PEJABAT

PETI SEBUT HARGA, TINGKAT 15 BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN HAL EHWAL KORPORAT KEMENTERIAN KEWANGAN

Sebarang pertanyaan mengenai tawaran ini bolehlah menghubungi +673 2380264.

Perpustakaan tempat selesa berkomunikasi



PENOLONG Pengarah Politeknik Brunei, Awang Alias bin Haji Abu Bakar (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada ceramah Sempena Hari Buku Sedunia bertempat di Dewan Persidangan Pusat Da'wah Islamiah, Berakas.

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 April. - Perpustakaan tidak lagi sunyi tetapi semakin menjadi petak awam, tempat yang selesa untuk komunikasi bersama

untuk semua jenis aktiviti. Perpustakaan kini menampung keperluan yang dicipta oleh gaya hidup digital hari ini, sementara Pustakawan pula adalah kapten,

pengemudi, penjaga pintu, yang membuka pintu untuk menggembirakan, spekulasi dan keajaiban serta pengetahuan untuk memberi inspirasi.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Presiden Persatuan Perpustakaan Brunei Darussalam, Dayang Nellie binti Dato Paduka Haji Sunny semasa menyampaikan Ceramah

'Reading for Pleasure, Literacy and Libraries' sempena Hari Buku Sedunia 2018 yang berlangsung di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah, Berakas, di sini.

Lebih 150 peserta menghadiri ceramah yang dikendalikan oleh Politeknik Brunei (PB) terdiri dari pegawai perpustakaan dari Institut Pengajian Tinggi, pegawai kanan kerajaan dan pelajar PB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Penolong Pengarah PB, Awang Alias bin Haji Abu Bakar.

Sementara itu, tiga penceramah turut diundang, iaitu Ketua Perpustakaan, PB, Dayang Hajah Norsenah binti Haji Mohd. Nasir dengan ceramah 'Masa Depan Perpustakaan'; Ketua Perpustakaan, Perpustakaan Islam Brunei, Jabatan Mufti Kerajaan, Pengiran Haji Md. Shahminan bin Pengiran Haji Sulaiman dengan ceramah 'Career as a Librarian'; dan Pensyarah Sekolah Info-Komunikasi dan Teknologi, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Zainal dengan ceramah 'Peranan Perpustakaan dalam Proses Pembelajaran dan Pengajaran'.

Antara tujuan ceramah tersebut diadakan ialah untuk

meningkatkan pengetahuan dalam bidang perpustakaan dan sumber maklumat bagi pembelajaran dan penyelidikan, di samping meningkatkan penglibatan Pustakawan dalam aktiviti yang berkaitan dengan pembelajaran dan penyelidikan melalui kerjasama di antara perpustakaan, jabatan dan persatuan.



PRESIDEN Persatuan Perpustakaan Brunei Darussalam, Dayang Nellie binti Dato Paduka Haji Sunny semasa menyampaikan Ceramah 'Reading for Pleasure, Literacy and Libraries' sempena Hari Buku Sedunia 2018.

Pelajar Cemerlang SM PAPHM diraikan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

SUNGAI AKAR, Isnin, 23 April. - Seramai 125 pelajar Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SM PAPHM) yang cemerlang dalam Peperiksaan Peringkat BC GCE 'O' / IGCSE bagi Tahun 2017 diraikan pada Majlis Penyampaian Anugerah Akademik.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah pada majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan ialah, Pemangku Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Awang Zainal Abidin bin Haji Kepli.

Daripada jumlah berkenaan, 14 pelajar menerima hadiah Pelajar Terbaik, lima pelajar menerima hadiah bagi pencapaian kepujian (A*) dalam mata pelajaran Chemistry, IRK, English Language

dan Sastera manakala 106 pelajar lagi menerima hadiah bagi pencapaian lima kredit dan ke atas.

Terdahulu, Pengetua SM PAPHM, Dayang Hajah Norwen binti Haji Ibrahim dalam ucapannya menjelaskan, majlis tersebut adalah sebagai penghargaan kepada mereka kerana membantu pihak sekolah mencapai 50.24 peratus di dalam Peperiksaan BC GCE 'O' / IGCSE bagi Tahun 2017.

Pada peperiksaan Peringkat BC GCE 'O' / IGCSE bagi Tahun 2017 jelasnya, daripada 23 mata pelajaran yang ditawarkan, dua subjek mencapai 100 peratus kredit, iaitu Computer Science dan Economics, sementara sembilan subjek yang lain telah menunjukkan peningkatan peratus pelajar yang mencapai kredit dibandingkan pada tahun

sebelumnya di antara 1.2 peratus hingga 63.6 peratus.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada para pelajar yang menerima hadiah dan berharap agar kecemerlangan yang

ditunjukkan oleh para penerima akan menjadi pemangkin untuk para pelajar yang akan menduduki peperiksaan pada tahun ini, agar dapat mempertingkatkan mutu pencapaian mereka dalam

bidang akademik dan bukan akademik.

Majlis juga diserikan dengan persembahan puisi, menyaksikan tayangan slaid dan diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran.

Kursus SEACEN tumpukan pelbagai risiko ICT di bank



PARA peserta yang menghadiri Kursus SEACEN mengenai Risiko Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Bank semasa bergambar ramai.

Siaran Akhbar dan Foto :
Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 April. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama South East Asian Central Banks Research and Training Centre (SEACEN) menganjurkan Kursus SEACEN mengenai Risiko Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Bank (SEACEN Course on Information and Communication Technology Risks in Banks) bermula hari ini hingga 27 April 2018 di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Kursus lima hari itu memberi tumpuan kepada pelbagai risiko ICT yang dihadapi oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan. Antara yang dibincangkan termasuk konsep

dan mekanik dalam penilaian risiko ICT, kesan dari gangguan FinTech, ancaman siber dan keselamatan siber.

Selain itu, kursus tersebut juga menyediakan rangka kerja untuk penilaian risiko ICT, termasuk prosedur dan tatacara yang bersesuaian bagi bank-bank dan institusi-institusi kewangan selain sebagai platform bagi para peserta untuk berbincang dan bertukar-tukar fikiran mengenai risiko ICT ini.

Kursus ini akan dihadiri oleh 42 peserta dari bank-bank pusat serantau dan antarabangsa,

termasuk pegawai-pegawai dari AMBD.

SEACEN ditubuhkan pada tahun 1982 dengan mempunyai lapan ahli bank pusat / autoriti monetari dan telah berkembang kepada 20 ahli pada tahun 2014.

Sejak penubuhannya, SEACEN telah melaksanakan program-program pembelajaran, kerja-kerja penyelidikan dan platform rangkaian dan kerjasama yang unik kepada rantau ini, untuk membina keupayaan ahli-ahlinya dalam pengetahuan perbankan pusat.



PEMANGKU Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Awang Zainal Abidin bin Haji Kepli menyampaikan hadiah kepada pelajar cemerlang.



كلواركانكو قبايع، نكارا كميلغ

هارى كلوارك كبعساان 2018

Keluargaku Penyayang, Negara Gemilang
Hari Keluarga Kebangsaan, 2018

MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN 2018

HARI KHAMIS, 3 MEI 2018 BERSAMAAN 17 SYAABAN 1439

Sembahyang Fardu Maghrib dan Fardu Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yasin, Bertahlil dan Membaca Doa Khas Hari Keluarga Kebangsaan

DAERAH

MASJID UTAMA

BRUNEI DAN MUARA

Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri

BELAIT

Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait

TUTONG

Masjid Pengiran Anak Mohamed Alam, Kampung Sengkarai

TEMBURONG

Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar

**JAM
5.45 PETANG**



Tema

Keluargaku Penyayang, Negara Gemilang

“Kepentingan mempunyai keluarga penyayang, bersatu padu, memedulikan di antara satu sama lain, saling menghormati, berkomunikasi dengan baik serta memikul tanggungjawab bersama serta pencegahan penyalahgunaan dadah; demi menjamin masa depan keluarga, masyarakat dan negara”

RIADAH BERBASIKAL KELUARGA HARMONI

Perhimpunan keluarga

HARI AHAD, 6 MEI 2018 BERSAMAAN 20 SYAABAN 1439

BANDARKU CERIA

- MASJIDKU MAKMUR, NEGARA BERKAT

- BERBASIKAL KELUARGA HARMONI

- RIADAH KELUARGA

BERTEMPAT:
TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
BANDAR SERI BEGAWAN

BERMULA:

4.47 PAGI

Orang ramai dialu-alukan datang menyertai bersama keluarga



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



KEMENTERIAN HAL EHWAL UOAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEDERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Apa Pendapat Biskita?

Selalu Sempatkan Sembahyang Fardu Berjemaah

SEMBAHYANG berjemaah di dalam solat fardu menurut mazhab Syafie memang sangat dituntut malah mendapat 27 kali gandan pahala berbanding berseorangan.

Perkara sembahyang fardu berjemaah ditimbulkan pada ceramah khas sambutan Israk dan Mikraj peringkat kebangsaan baharu lalu memandangkan masih banyak umat Islam di negara ini kurang mengamalkan sembahyang fardu berjemaah melainkan seperti Sembahyang Fardu Jumaat dan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha.

Perkara kurang mengamalkan sembahyang fardu berjemaah mungkin disebabkan banyak hal yang perlu dialami oleh pihak yang terkait agar suatu hari nanti semua masjid di negara penuh dengan jemaah menunaikan sembahyang fardu.

Solat fardu adalah merupakan kewajipan fardu kifayah ke atas umat Islam menurut pendapat terkuat dalam mazhab Syafie. Kewajipan fardu kifayah adalah merupakan kewajipan di bawah tanggungan umat Islam yang mendiami sesebuah komuniti atau kawasan, sekiranya ada sebilangan kecil daripada mereka yang melakukannya, maka gugurlah kewajipan tersebut.

Di negara ini hampir setiap mukim dan kampung didirikan masjid oleh kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama dan sebahagian penduduk mukim dan kampung yang berdekatan selalunya menunaikan sembahyang fardu berjemaah walaupun jumlahnya kadang-kadang tidak melimpasi satu saf.

Ruang Apa Pendapat Biskita sempat mendapatkan beberapa pandangan orang ramai mengenai 'Selalu Sempatkan Sembahyang Fardu Berjemaah'.

"Sebagai seorang umat Islam kita diwajibkan menunaikan sembahyang walau di mana kita berada.

Lebih baik lagi jika kita menyempatkan diri untuk berjemaah kerana pahala yang kita dapat lebih banyak daripada kita sembahyang berseorangan. Selain itu kitani juga boleh bersilaturahmi semasa umat Islam.

Kalau boleh jika kitani di rumah sekurang-kurangnya satu minggu, satu atau dua kali kitani menunaikan sembahyang berjemaah bersama keluarga untuk memberi kemesraan dalam rumahtangga dan menjadikan keluarga sekinah, mawadah dan warahmah.

Sebagai kepala rumahtangga, tidak ada kata terlambat untuk melakukannya di rumah biskita bersama isteri, anak dan cucu. Kerana sembahyang fardu berjemaah mendapat 27 kali ganda pahalanya.

Dari itu sempatkanlah sembahyang berjemaah bersama keluarga atau sesiapa saja orang-orang Islam yang ada di sekeliling kita." - **Laiho, Berakas.**

"Untuk menggalakkan orang Islam ke masjid, seseorang itu perlu mempelajari hakikat sembahyang atau rahsia sembahyang itu sendiri, balasan Allah di dunia dan akhirat.

Peranan sembahyang jemaah memperlihatkan atau membuktikan bahawa hubungan atau silaturahmi dalam kalangan umat Islam begitu rapuh, setiap orang lebih cenderung membawa hal masing-masing.

Sembahyang berjemaah ialah sembahyang yang dilakukan oleh dua orang atau lebih, seorang menjadi imam dan yang lain menjadi makmum. Dasar hukum sembahyang berjemaah di antaranya tersebut dalam Surah Al-Baqarah, ayat 43 : "Dan dirikanlah sembahyang dan tunaikan zakat dan rukuklah bersama orang yang rukuk."

Sembahyang jemaah yang dilakukan setiap waktu, lima kali sehari, ditambah dengan Sembahyang Jumaat, Sembahyang Hari Raya, sama ada Raya Puasa atau Raya Haji, juga Sembahyang Sunat Tarawih dan lain-lainnya amat besar manfaatnya pada penyatuan umat Islam, apatah lagi dalam sembahyang tersebut diiringi dengan khutbah, iaitu pada Sembahyang Jumaat juga Sembahyang Hari Raya." - **Fd, Tanah Jambu.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke:
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Beri Sokongan Kepada Pasukan Negara HBT 2018.
- ii. Meriahkan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan.

Kerosakan sistem pendawaian elektrik punca kebakaran

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Bomba dan Penyelamat

BELAIT, Selasa, 24 April. - Sebuah kedai Runcit Syarikat Nurul Had'ri, di Bangunan Wisma Yakin, Pandan 5, Kuala Belait terlibat dalam kebakaran, tetapi tidak ada sebarang kecederaan dilaporkan.

Menurut Balai Bomba Kuala Belait yang menerima panggilan kecemasan kira-kira pada jam 2.48 pagi mendapati kebakaran berjaya dipadamkan oleh pekerja kedai dengan menggunakan alat pemadam kebakaran.

Bangunan tersebut milik warga tempatan dan dihuni oleh dua pekerja India yang mendiami di tingkat atas bangunan tersebut.

Punca kebakaran dipercayai bermula daripada kerosakan sistem pendawaian elektrik bagi kegunaan alat peti sejuk aiskrim dan kedai runcit berkenaan menanggung kerugian kira-kira BND5,800.00.

Berikutan itu, Jabatan Bomba



KEROSAKAN sistem pendawaian elektrik bagi kegunaan alat peti sejuk aiskrim dipercayai menjadi punca kebakaran.

dan Penyelamat antara lain menyarankan agar penggunaan elektrik tidak mencapai tahap lebih bebanan dan pastikan menutup

mana-mana suis peralatan elektrik selepas menggunakannya atau meninggalkannya dalam masa yang lama.



Kampung Burong Lepas



Foto : Azmah Haji Ahad

PAIS DAGING

BAHAN-BAHANNYA :

- ½ kilo atau 1 kilo Daging.
- 3 biji Bawang Merah (dikisar).
- 2 ulas Bawang Putih (dikisar).
- 2 sudu makan Lada (dikisar).
- 1 inci Halia (dikisar).
- 1 biji Bawang Besar (dihiris).
- Garam, serbuk perasa, Gula.
- Beberapa helai Daun Pisang.

CARA-CARA

MEMBUATNYA :

Daging dipotong, kemudian bersihkan. Setelah dibersihkan, rebus untuk mengelak Daging itu lambat masak dan keras serta dituhuskan.

Sediakan mangkuk, masukkan Daging yang sudah dituhuskan. Campurkan Bawang Merah, Bawang Putih, Lada dan Halia yang dikisar, Bawang Besar

yang dihiris dan Garam. Gaulkan Daging tadi hingga sehati dan masap bersama kesemua bahan.

Sediakan loyang yang sudah dialas dengan Daun Pisang dan masukkan Daging yang sudah digaul sehati tadi. Bakarlah Daging tadi ke dalam oven dengan suhu 220C dalam masa 30 - 40 minit atau hingga ia kelihatan sudah masak.

Mana yang lebih utama, menanti air atau bertayammum?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ISLAM telah mensyariatkan tayammum sebagai *rukhsah* (keringanan) dan pengganti bagi wuduk apabila timbul keuzuran yang menghalang kita daripada berwuduk seperti ketiadaan air atau sakit yang tidak membolehkan kita untuk menggunakan air. Firman Allah Subhanahu Wata'ala :

Tafsirnya : "Jika kamu sakit (yang tidak boleh terkena air) atau dalam pelayaran atau salah seorang daripada kamu datang dari tempat buang air atau kamu bersentuhan dengan perempuan (yang bukan mahram) lalu kamu tidak memperoleh air (untuk berwuduk atau mandi), maka bertayammumlah dengan tanah (debu) yang suci, iaitu sapukanlah ke muka kamu dan kedua tangan kamu (hingga ke siku) dengannya."

(Surah al-Ma'idah : 6)

Kesukaran-kesukaran yang dihadapi ketika sakit, musafir dan sebagainya bukanlah menjadi halangan atau alasan untuk tidak mengerjakan sembahyang. Islam sebagai agama yang syumul telah menyediakan garis panduan terhadap kesukaran-kesukaran tersebut dengan memberikan *rukhsah* agar sembahyang itu masih tetap dikerjakan.

Namun adakah seseorang itu diwajibkan untuk terus bertayammum dalam keadaannya tidak menemui air? Apa hukumnya kalau seseorang itu yakin akan ada semula air tersebut di akhir waktu sembahyang? Bagaimana pula kalau seseorang itu yakin dan tahu akan kewujudan air di tempat yang lain, seperti tempat yang jauh sedikit daripada tempat kediamannya?

Maksud Ketidadaan Air

Ketidadaan air itu boleh terjadi dalam dua keadaan :

1. Ketidadaan air secara *hissiy* (حسي):

Keadaan ini berlaku apabila pada asalnya tidak ditemukan air, atau terdapat keuzuran yang menghalang daripada sampai kepada air dan menggunakannya. Sebagai contoh, seseorang menemui air di suatu tempat namun terdapat halangan di antaranya

dengan air tersebut seperti binatang buas. Dalam hal ini, tayammum adalah dibolehkan.

2. Ketidadaan air secara *syar'i* (شرعي):

Keadaan ini berlaku apabila seseorang itu menemui air, dan mampu untuk sampai kepada air itu dan menggunakannya, akan tetapi syarak melarangnya daripada menggunakan air tersebut. Sebagai contoh, jika seseorang dalam pelayaran menemui air *musabbal*, iaitu air yang diwakafkan khusus untuk minum sahaja (seperti mana berlaku dalam beberapa buah tempat di negara lain), maka baginya untuk bertayammum. Walau bagaimanapun, dia tidak boleh menggunakan air *musabbal* itu untuk berwuduk kerana air itu dibataskan oleh pewakafnya untuk minum sahaja.

Contoh lain bagi ketidadaan air secara *syar'i* ialah apabila seseorang dalam pelayaran takut akan keselamatan diri dan harta bendanya ketika mencari air, atau yakin dengan kejauhan air tersebut. Dalam semua hal ini, dibolehkan untuk bertayammum kerana telah tercapai sebab ketidadaan air itu.

Tidak Sah Tayammum Kecuali Selepas Mencari Air

Al-Imam Abu Ishaq asy-Syirazi Rahimahullah berkata dalam kitabnya al-Muhadzdzab :

Ertinya : "Dan tidak boleh bagi orang yang ketidadaan air itu untuk bertayammum kecuali selepas mencari air, berdasarkan firman Allah 'Azza wa Jalla : "Lalu kamu tidak memperoleh air (untuk berwuduk atau mandi), maka bertayammumlah." (Surah an-Nisa, ayat 43), dan tidak dikatakan tidak memperoleh air itu kecuali selepas mencari air, dan kerana sesungguhnya tayammum itu pengganti (bagi wuduk) yang hanya dibolehkan ketika tiada yang digantikan itu, maka tidaklah boleh melakukan tayammum itu kecuali setelah sabit ketidadaan air."

Tayammum Jika Yakin Tidak Akan Mendapati Air Di Sekelilingnya

Apabila seorang musafir atau seorang yang menetap di suatu tempat yakin bahawa tidak ada air di sekelilingnya, maka dia dibolehkan untuk bertayammum

tanpa mencari air, seperti dalam keadaan apabila pada masa itu dia berada di padang pasir. Al-Khathib asy-Syarbini Rahimahullah berkata :

Ertinya : "(Maka jika seorang musafir itu yakin) atau seorang yang bermukim ... (ketidadaannya), iaitu ketidadaan air di sekelilingnya, (bertayammum dia tanpa mencari) ... kerana mencari sesuatu yang diketahui ketidadaannya adalah sia-sia seperti apabila dia berada di sebahagian padang pasir."

Tidak Sah Mencari Air Kecuali Setelah Masuk Waktu Sembahyang

Disyaratkan dalam pencarian air itu, hendaklah setelah masuk waktu sembahyang. Maka tidak sah mencari air itu kecuali setelah masuk waktu sembahyang sepertimana yang dikatakan oleh Al-Imam Abu Ishaq asy-Syirazi Rahimahullah :

Ertinya : "Dan tidak sah mencari air kecuali setelah masuk waktu sembahyang, kerana sesungguhnya pencarian air itu adalah untuk mensabitkan syarat sah tayammum, iaitu ketidadaan air; maka tidak boleh (mencari air untuk bertayammum) pada waktu yang tidak dibolehkan baginya untuk mengerjakan tayammum (di luar waktu sembahyang)."

Bila Ketikanya Menanti Air Lebih Utama Daripada Bertayammum?

Jika seseorang telah mencari air di awal waktu dan dia tidak berjaya memperoleh air, maka dalam keadaan ini dia sudah dibolehkan untuk bertayammum. Namun apabila dia yakin bahawa dia akan mendapati air atau yakin akan sampai air itu kepadanya di akhir waktu sembahyang (iaitu waktu yang cukup baginya untuk bersuci dan bersembahyang), maka menunggu air itu adalah lebih utama baginya.

Berlainan halnya, jika dia yakin air itu akan sampai ke rumahnya pada akhir waktu, dan dia masih tetap berada di rumahnya dari awal waktu, maka wajib baginya menanti air.


Bila Ketikanya Bertayammum Lebih Utama Daripada Menanti Air?

Jika seseorang itu pula telah mencari air dan dia tidak berjaya memperoleh air (dan dalam keadaan ini dia sudah dibolehkan untuk bertayammum), dan dia tidak yakin akan mendapati air pada akhir waktu sembahyang, maka bertayammum itu adalah lebih utama baginya daripada menanti air.

Begitu juga keadaannya jika dia dapat mengerjakan sembahyang berjemaah di awal waktu, sedangkan jika dia melambatkan sembahyangnya dan dia akan mengerjakannya seorang diri (*munfarid*), maka disunnatkan baginya mengerjakan sembahyang dengan bertayammum pada awal waktu bagi meraih fadilat berjemaah.

Mengerjakan Sembahyang Pada Awal Waktu Dengan Tayammum, Dan Pada Akhir Waktu Dengan Wuduk

Apa yang diterangkan sebelum ini



adalah jika seseorang itu hanya ingin membataskan mengerjakan satu kali sembahyang sahaja. Namun jika setelah mencari air dan gagal mencarinya, lalu dia bersembahyang dengan tayammum pada awal waktu, lalu setelah mendapati air sebelum luput waktu sembahyang tersebut dia mengerjakan sembahyang pada akhir waktu dengan wuduk, maka perbuatan sembahyangnya dengan wuduk itu adalah afdhal baginya kerana dia akan mendapat fadilat mengerjakan sembahyang pada awal waktu, dan juga fadilat mengulangi sembahyangnya.

Penutup

Sebagai kesimpulan, sembahyang tetap wajib dilakukan dalam apa jua keadaan dan sentiasa terus beristiqamah dalam mengerjakannya dengan sebaik-baik keadaan. Jika kita tidak mendapati air untuk berwuduk, eloklah kita mencari air terlebih dahulu dan jika diyakini tiada air di sekelilingnya, maka dia dibolehkan bertayammum tanpa mencari air.

Jika seseorang itu telah mencari air namun tidak menjumpainya, dan dia yakin akan mendapatkan air di akhir waktu, maka menanti air adalah afdhal baginya, kerana sembahyang yang dikerjakan dengan wuduk itu adalah afdal daripada sembahyang yang dikerjakan dengan tayammum, meskipun ianya dikerjakan di akhir waktu.

Jika seseorang itu pula ragu akan mendapatkan air di akhir waktu, maka dia bolehlah menyegerakan tayammum dan mengerjakan sembahyang dengan tayammum itu. Begitu juga jika dia ingin meraih fadilat berjemaah di awal waktu, atau meraih fadilat mengerjakan sembahyang di awal waktu, maka adalah afdal baginya menyegerakan tayammum.

Namun jika seseorang itu mengerjakan sembahyang dengan tayammum di awal waktu, lalu setelah mendapati air sebelum luput waktu sembahyang tersebut dia mengulangi sembahyang di akhir waktu dengan wuduk, maka inilah yang paling afdal baginya kerana sembahyang yang diulanginya itu tetap akan diberikan ganjaran oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

"JIKA seseorang telah mencari air di awal waktu dan dia tidak berjaya memperoleh air, maka dalam keadaan ini dia sudah dibolehkan untuk bertayammum. Namun apabila dia yakin bahawa dia akan mendapati air atau yakin akan sampai air itu kepadanya di akhir waktu sembahyang (iaitu waktu yang cukup baginya untuk bersuci dan bersembahyang), maka menunggu air itu adalah lebih utama baginya."

Buku inspirasi kehidupan



PEGAWAI Sejarah Kanan, Pusat Sejarah Brunei, Awang Hanafi bin Haji Salleh (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia.

SENGKURONG, Isnin, 23 April. - Bagi memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai wujudnya hari untuk buku dan hak cipta yang diiktiraf oleh Badan Antarabangsa seluruh dunia, Pusat Tingkatan Enam Sengkurong (PTES) dan Perpustakaan Sekolah Kluster 2 mengadakan Majlis

Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia bertempat di Dewan Serbaguna pusat berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya melancarkan majlis tersebut ialah Pegawai Sejarah Kanan, Pusat Sejarah Brunei, Awang Hanafi bin Haji Salleh.

Terdahulu, Pengetua PTES, Awang Haji Jafri bin Haji Suhaili selaku Pengerusi Majlis tersebut dalam ucapan alu-aluannya berkata, sambutan seumpama ini dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan tabiat membaca dalam kalangan warga pusat, selain menyemarakkan semangat membaca dalam kalangan para pelajar.

"Rahsia untuk mencapai matlamat kehidupan yang dapat memberi kepuasan adalah membaca sebanyak mungkin dan selalu bersikap ingin tahu.

Orang yang ingin berjaya, tidak pernah berhenti belajar. Mereka tidak pernah menganggap diri sebagai pakar tetapi sebagai pelajar tentang kehidupan," jelasnya.

Beliau seterusnya berharap, dengan adanya majlis itu akan dapat memberikan kesedaran kepada pelajar akan kepentingan membaca di samping meningkatkan lagi budaya membaca semua warga pusat serta hadirin pada pagi ini.

Majlis yang buat julung kalinya diadakan ini turut diisikan dengan



ANTARA pelajar yang hadir pada majlis tersebut.

Berita dan Foto : Aimi Sani

ceramah mengenai hak cipta yang disampaikan oleh Penasihat Undang-Undang, Dayangku Hajah Ena Suraya binti Pengiran Haji Mohammad, diikuti dengan segmen bicara buku, deklamasi

sajak serta pelancaran 'Book Donation'.

Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia tahun ini bertemakan 'Buku Memberi Inspirasi kepada Kehidupan'.

DBP anjurkan Bengkel Penulisan Cerpen

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 April. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dipertanggungjawabkan untuk membina dan mengembangkan bahasa dan sastra tanah air.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh DBP untuk menggalas tanggungjawab itu menerusi projek Pantaran Sastra DBP dengan kegiatan seperti baca prosa, sketsa, teater, berbalas pantun, puisidra, taridra, pantomime, santai seni dan sebagainya.

Kegiatan-kegiatan itu diungkuhkan sama ada secara jabatan bersendirian mahupun bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan.

DBP mengajurkan Bengkel Penulisan Cerpen selama dua hari bermula 23 hingga 24 April bertempat di Bilik Patih Barbai.

Ia adalah sebagai usaha menyebarkan pengetahuan dan ilmu penulisan kreatif cerpen kepada peminat sastra.

Bengkel dibimbing oleh mantan Timbalan Pengarah Muzium-Muzium, Dr. Pudarno bin Binchin yang juga merupakan seorang penulis yang berpengalaman.

Menerusi bengkel tersebut diharapkan dapat mencurahkan idea dan perasaan menerusi wadah penulisan kreatif.

Peserta bengkel yang berjaya menghasilkan karya secara langsung akan dinilai untuk mengikuti sebarang bengkel sama ada di dalam dan luar negeri.

Bengkel bertujuan untuk mengangkat dan memartabat kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara serta menanamkan rasa cinta terhadap bahasa Melayu menerusi pemahaman terhadap sastra dan penulisan kreatif.

Ia juga diharap dapat memberi peluang kepada para peserta bertukar-tukar fikiran, berkongsi pengalaman serta mengemukakan usul atau cadangan demi meningkatkan citra sastra tanah air serta menggalakkan para peserta mencurahkan idea dan perasaan menerusi wadah penulisan kreatif.



ANTARA peserta Bengkel Penulisan Cerpen anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pendidikan awam penting bagi rawatan Kanser Payudara



PENGARAH di Pusat Pakar Pantai Jerudong, Dr. Mazrul Admin bin Awang Besar selaku tetamu khas merasmikan Sudut Bacaan.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Isnin, 23 April. - Jumlah kes kanser baharu yang didiagnosis di negara ini semakin meningkat dengan Kanser Payudara menjadi yang paling biasa didengar sejak sedekad yang lalu.

Langkah-langkah pemeriksaan bagi mengesan Kanser Payudara amat penting dalam kalangan semua penjagaan kesihatan di Pusat Pakar Pantai Jerudong.

Justeru, Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei merupakan contoh advokasi yang bertanggungjawab untuk meningkatkan kesedaran mengenai penyakit yang mengancam nyawa itu dengan mempromosikan pendidikan awam tentang rawatan mengenainya.

Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei dengan sokongan Pusat Pakar Pantai Jerudong menubuhkan Sudut Bacaan di pusat berkenaan bersempena dengan Hari Buku Sedunia 2018.

Majlis perasmianya disempurnakan oleh Pengarah Eksekutif di Pusat Pakar Pantai Jerudong, Dr. Mazrul Admin bin Awang Besar selaku tetamu khas.

Terlebih dahulu, dalam ucapan alu-aluan Yang Di-Pertua Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin antara lain menjelaskan, matlamat penubuhan kumpulan Sokongan itu adalah untuk memberi sokongan dan motivasi kepada pesakit yang mengalami tekanan emosi, memberi kaunseling, menyampaikan maklumat yang betul serta membantu pesakit mencapai tahap pemulihan yang maksimal dari segi fizikal dan psikologi, memberi sokongan kepada wanita-wanita yang pernah mengalami Kanser Payudara untuk berkongsi pengalaman sebagai pesakit barah payudara kepada orang awam atau pesakit sesama pesakit.



YANG Di-Pertua Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin.

"Kumpulan Sokongan Kanser Payudara ini dari semasa ke semasa telah melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dan kerja-kerja kebajikan selaras dengan objektif penubuhannya," ujarnya.

Beliau juga memaklumkan kepada para penulis, toko-toko buku, penerbit-penerbit kerajaan supaya akan dapat mengihsankan buku terbitan masing-masing ke Sudut Bacaan tersebut kerana buku-buku yang dipamerkan itu akan ditukar setiap tiga bulan sekali dan buku-buku yang dipamerkan pada masa ini adalah buku-buku dan majalah-majalah koleksi beliau sendiri berjumlah 89 tajuk, di samping enam tajuk buku yang lain yang merupakan ihsan.

Penubuhan sudut bacaan tersebut adalah sebagai salah satu usaha kumpulan sokongan tersebut untuk mempelbagaikan tempat dan ruang bacaan di negara ini sekali gus dapat memberi ilmu pengetahuan kepada orang ramai khususnya para pesakit dan keluarga yang mengikuti rawatan di pusat berkenaan.

Negara Zikir



ROMBONGAN penulis bergambar kenangan di depan Kapal PLTD yang seberat 2,600 tan terdampar di daratan.

Oleh : **Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong,**
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan
Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi
Melayu Islam Beraja

SEBAGAIMANA hasrat dan visi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mahu mewujudkan sebuah negara yang aman sejahtera di bawah keredaaan Allah Subhanahu Wata'ala seperti yang disebut dalam Al-Quran, Surah Saba, ayat 15 iaitu "(Negerimu) adalah negeri yang baik dan (Tuhanmu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun." Matlamat ini juga adalah impian setiap negara-negara di dunia ini untuk rakyat dan penduduknya. Namun pada hakikatnya tidak semua negara akan mencapai maksud ini kerana nikmat kesejahteraan dan kemakmuran itu adalah hak Allah Subhanahu Wata'ala yang menentukan. Alhamdulillah, hampir satu dekad di bawah kepimpinan Baginda, kita telah menikmati dan berusaha untuk mengekalkan segala rahmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala pada setiap hamba-Nya di muka bumi Brunei Darussalam ini. Sehubungan dengan itu untuk mendapatkan keredaaan Allah Subhanahu Wata'ala, kita sebagai hamba-Nya wajib mentaati perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya serta berdiri teguh di bawah kepimpinan raja yang sentiasa membawa ke jalan kebenaran. Sebagaimana titah baginda pada tahun 2007 :

"Beta ingin mengingatkan bahawa mensyukuri nikmat keamanan dan kemakmuran bukanlah dengan asyik bersenang-senang dan bermewah-mewah saja, tapi hendaklah jangan lupa siapa yang empunya nikmat itu.

Jadi janganlah lupa Allah, Kita tatang keamanan dan kemakmuran sambil mengingati Allah dengan sebanyak-banyaknya."

Ini sebenarnya maksud negara yang menjadi visi Baginda Sultan yang telah dititahkan sempena Hari Raya Aidiladha

pada tahun 1428 Hijrah bersamaan tahun 2007 Masihi yang menjadi azam suci untuk menjadi Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir. Antara lain titah baginda :

"Beta insyaaAllah, akan terus berazam untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah 'Negara Zikir' yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaan-Nya, sesuai dengan janji-Nya di dalam Surah Al-Baqarah ayat 152, tafsirnya "Kamu ingat Aku, nescaya Aku akan mengingati kamu pula."

Dengan lain perkataan, baginda mengingatkan umat Islam di negara ini supaya sentiasa mengingati Allah sebagai tanda kesyukuran ke atas kenikmatan-Nya yang telah dilimpahkan kurnia-Nya selama ini. Dengan menjadi Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir maka kita sekali gus akan mewujudkan satu kehidupan dalam sebuah negara yang diimpikan iaitu Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur demi mengukuhkan lagi ketakwaan dan keimanan pada Allah Subhanahu Wata'ala. Baginda Sultan menyarankan supaya sikap mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan berzikir itu menjadi amalan dan mendarah daging pada kehidupan masyarakat Brunei. Menurut baginda berzikir membolehkan rakyat dan penduduk negara ini akan terus kekal menikmati kemakmuran dan keamanan yang beracuan nilai-nilai Melayu Islam Beraja.

Inilah sebenarnya konsep Negara Zikir dalam kehidupan amalan falsafah negara Melayu Islam Beraja yang sentiasa mengingati dan mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'ala supaya dapat mewujudkan sebuah kehidupan yang aman damai, sentiasa diredai dan dilindungi Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, kita hendaklah mengambil iktibar dan pengajaran daripada beberapa peristiwa sejarah masa lampau yang

diceritakan dalam Kitab suci Al-Quran (antaranya kisah penduduk Saba' dalam Al-Quran, Surah Saba', ayat 15, 16 dan 17) yang tafsirnya :

"Sesungguhnya bagi kaum Saba ada tanda (kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala) di tempat kediaman mereka, iaitu dua buah kebun di sebelah kanan dan di sebelah kiri. (Kepada mereka dikatakan), "Makanlah olehmu dari rezeki yang (dianugerahkan) Tuhanmu dan bersyukurlah kamu kepada-Nya. (Negerimu) adalah negeri yang baik dan (Tuhanmu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun. Tetapi mereka berpaling, maka Kami datangkan kepada mereka banjir yang besar dan Kami ganti kedua kebun mereka dengan dua kebun yang ditumbuhi (pohon-pohon) yang berbuah pahit, pohon asl, dan sedikit dari pohon sidr. Demikianlah Kami memberi balasan kepada mereka kerana kekafiran mereka. Dan Kami tidak menjatuhkan azab (yang demikian itu), melainkan hanya kepada orang-orang yang sangat kafir."

Oleh itu sejarah adalah lidah kebenaran yang tidak pandai berbohong, maka semoga paparan cerita ini akan dapat dijadikan pengajaran dan iktibar supaya kita sentiasa melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhkan perkara-perkara yang dilarang-Nya. Ini bermakna kebinasaan dan kehancuran adalah berpunca daripada perbuatan manusia itu sendiri ia tidak mahu bersyukur pada nikmat yang dikurniakan Tuhannya. Dalam era zaman kemodenan ini, kita juga diberi petunjuk akan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala melalui kejadian-kejadian yang di luar dugaan dan jangkaan kemanusiaan. Misalnya dalam beberapa tahun kebelakangan ini, negara-negara luar di dunia sentiasa menerima malapetaka dan bencana seperti Tsunami, banjir, taufan, gempa bumi, tanah runtuh, kemarau dan sebagainya bahkan juga masalah pergolakan politik, kemelutan ekonomi dan permasalahan sosial. Pada hakikatnya sebagai umat Islam kita patut menerima perkara ini sebagai dugaan Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh kesabaran kerana qada dan qadar itu datang daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ingatlah, setinggi manapun kemajuan serta kecanggihan sains dan teknologi yang dimiliki oleh manusia, namun kita tidak akan mampu untuk menolak atau melawan takdir serta ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala sebaliknya menerima dengan penuh kesabaran dan ketakwaan sebagai tanda kesyukuran. Sebagaimana titah Baginda Sultan sempena menyambut Tahun Baharu Hijrah 1433 bersamaan 2012 Masihi :

"Pada hemat beta, tidaklah berlaku sesuatu ini melainkan ada dengan sebab-sebabnya, termasuklah segala fenomena kejadian di muka bumi ini, ia tidak berlaku dengan sendirinya, sebagaimana yang disangkakan oleh setengah pihak.

Ia berlaku dengan kehendak Allah jua, supaya timbul rasa insaf di hati manusia dan segera akan bertaubat kepada-Nya. Inilah dia hikmah di sebaliknya kejadian-kejadian pahit tersebut.

Kalaulah kita mahu untuk mengambil pengajaran daripadanya, nescaya ada harapan untuk kita akan selamat daripada sebarang malapetaka, berdasarkan Allah itu sangatlah menyayangi para hamba-Nya yang taat dan membenci mereka yang derhaka.

Perkara ini, rasa-rasanya telah pun menjadi kenyataan kepada kita di bumi yang bertuah ini, Negara Brunei Darussalam, di mana dengan kurnia Allah

jua, kita telah dan sedang menikmati keamanan, keselamatan dan kemakmuran yang berpanjangan, yang tidak dinikmati oleh orang lain.


Kerana itu, azam beta adalah semakin kuat, untuk menjadikan Brunei Darussalam ini benar-benar sebuah 'Negara Zikir' yang mendaulatkan hukum dan undang-undang syariat Allah di dalamnya, dengan akhlak mulia menjadi pakaianya, di samping juga pandai menghormati jiran dan ikhlas menghulurkan tangan kepada semua sahabat dan rakan di seluruh jagat ini."

Ini adalah satu hakikat yang terbukti berlaku di dunia moden yang serba canggih pada era globalisasi ini. Oleh itu, ambillah iktibar dan pengajaran dari urutan sejarah masa lalu ini, kerana sejarah itu adalah guru yang tidak pernah berbohong, rujuklah sejarah sebagaimana titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Lagipun berdasarkan senario sejarah yang berlaku dalam era globalisasi ini kenyataannya dugaan dan ketentuan Maha Pencipta akan sentiasa berlaku sebagaimana peristiwa seperti gempa bumi dan Tsunami yang pernah melanda Samudera Hindia dan telah menimpa sejumlah kawasan di 14 buah negara, termasuk Aceh Darussalam, pada 26 Disember 2004. Ini adalah salah satu bencana alam terbesar yang berlaku di dunia sejak dari dahulu kala lagi sehingga menenggelamkan beberapa buah kerajaan ke dasar lautan. Oleh itu, kita patut mengambil iktibar dari peristiwa yang melanda Aceh dan beberapa negara yang berdepan dengan Lautan Hindi. Bagi Negeri Aceh Darussalam sahaja dianggarkan lebih daripada 200,000 orang menjadi korban dan puluhan bandar dan kota musnah akibat dilanda oleh banjir Tsunami dalam masa sekelip mata sahaja. Semoga pengalaman pahit yang dialami oleh sesetengah masyarakat dunia ini menjadi pengajaran dan tauladan pada kita untuk lebih mendekati diri pada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan perkara yang menjadi kemurkaan-Nya.

Alhamdulillah, penulis dan rombongan dari Negara Brunei Darussalam telah berkesempatan mengunjungi dan menziarahi ke tempat-tempat yang pernah dilanda tsunami di Aceh pada tahun 2004 malah telah mendengar cerita-cerita yang menyayatkan hati daripada mangsa-mangsa Tsunami yang masih hidup. Percaya atau tidak tetapi ia terbukti berlaku di depan mata kita sendiri yang menunjukkan kekuasaan dan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam kunjungan tersebut rombongan penulis telah berkesempatan melawat dua buah kapal yang terdampar ke darat yang dibawa oleh gelombang Tsunami. Antaranya ialah kapal nelayan seberat 20 tan yang terdampar di atas rumah kepunyaan keluarga Misbah dan Abassiah di Kampung Lampulo, Banda Aceh yang telah menyelamatkan 59 orang yang telah menaiki kapal tersebut. Kedua, Kapal PLTD (Pembekal Kuasa Letrik) yang sekarang dikenali Kapal Apung seberat 2,600 tan dan keluasan 1,900 meter persegi. Kapal ini telah dihanyutkan ke darat sejauh 5 kilometer terletak di Desa Punge Blang Cut Kecamatan Meuraksa, Banda Aceh. Bagi membuktikan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala, kita juga diperlihatkan dengan kewujudan beberapa buah masjid yang masih berdiri tegak tidak dimusnahkan oleh gelombang Tsunami meskipun kebanyakan bangunan di sekitarnya habis hancur musnah dibawa air Tsunami.

Semuanya ini membuktikan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala supaya hambanya sentiasa berzikir dan bersyukur kepada-Nya. Malah kesan-kesan Tsunami tersebut telah meninggalkan rasa keinsafan dan kesedaran untuk meningkatkan lagi ketakwaan dan keimanan pada Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga negara kita sentiasa dilindungi dan dipelihara Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin.

Sembahyang mencegah kemungkaran



ISRAK Mikraj merupakan dua bahagian dari perjalanan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam waktu satu malam sahaja. Kejadian ini merupakan salah satu peristiwa penting yang ajaib dan benar bagi umat Islam. Peristiwa yang berlaku ini boleh menggugat keimanan seseorang, iaitu dalam soal mempercayai kesahihan peristiwa Israk dan Mikraj. Peristiwa perjalanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjid al-Haram di Mekah ke Masjid al-Aqsa di Palestin. Kemudian Baginda diangkat naik ke Sidratul Muntaha menemui Allah Azza Wajalla.

Dari sudut akidah orang-orang yang mempercayai dan meyakini kejadian ini bermakna mereka adalah orang-orang yang kukuh imannya. Adapun orang-orang yang masih berasa ragu-ragu tentang kebenaran peristiwa ini adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang masih rapuh imannya. Manakala orang-orang yang jelas menolak kebenaran peristiwa ini, mereka adalah tergolong sebagai orang-orang yang tidak beriman kerana mereka telah jelas menolak peristiwa yang sabit menurut nas-nas yang terang dari Al-Quran dan as-Sunnah serta ijma' para ulama.

Dalam peristiwa Israk dan Mikraj ini, perkara penting dan utama yang disebut oleh para ulama ialah pensyariatian ibadah sembahyang fardu lima waktu. Perintah mewajibkan sembahyang fardu lima waktu itu Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terima secara langsung daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Tidak sebagaimana perintah-perintah lain seperti puasa dan zakat yang diwahyukan melalui Malaikat Jibril Alaihissalam.

Para ulama telah sepakat menetapkan bahawa sembahyang fardu lima waktu itu wajib dilaksanakan oleh setiap orang mukallaf melainkan ada uzur syar'ie. Ketetapan ini adalah berdasarkan dalil-dalil yang qat'ie (yang putus) dari ayat-ayat Al-Quran dan as-Sunnah. Antaranya ialah firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah an-Nisaa' ayat 103 yang tafsirnya :

"Sesungguhnya sembahyang itu ialah satu kewajipan ke atas orang-orang yang beriman yang ditentukan waktunya."

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim daripada Ibnu 'Abbas Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda kepada Mu'adz bin Jabal ketika Baginda hendak mengutusnyanya ke Negeri Yaman, sabda Baginda yang bermaksud : *"Khabarkanlah kepada mereka (penduduk Yaman) sesungguhnya Allah Ta'ala telah memfardukan ke atas mereka sembahyang fardu lima waktu pada tiap-tiap hari siang dan malam."*

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Ankabuut, ayat 45 yang tafsirnya :

"Dan dirikanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar."

Ayat ini mengandungi janji Allah yang merupakan jaminan bahawa perkara keji dan mungkar itu akan tertolak apabila kita tetap tekun dan bersungguh-sungguh menunaikan kewajipan sembahyang. Sembahyang akan menjadi benteng kepada diri seseorang daripada dipengaruhi oleh hawa nafsu yang sentiasa mengingini perkara-perkara keji dan mungkar.

Perkara-perkara keji dan mungkar yang berlaku sekarang ini juga lebih dikenali sebagai penyakit sosial atau gejala sosial sudah menjadi perkara yang membimbangkan banyak pihak terutama ibu bapa. Pihak kerajaan pula merasakan, penyakit sosial adalah suatu beban kepada negara kerana bukan senang untuk mengatasinya, malahan telah menimbulkan pelbagai masalah dan mudarat dalam masyarakat. Sekalipun penyakit sosial itu lebih banyak membabitkan remaja, namun, daripada apa yang kita dengar dan lihat di media-media massa, penyakit sosial itu juga berlaku dalam kalangan orang dewasa seperti melakukan pecah amanah, rasuah, berlaku curang dalam rumah tangga, berjudi, mencuri dan sebagainya. Ini menunjukkan penyakit sosial itu sudah menular dalam masyarakat. Sekalipun pelbagai cara dan formula telah digunakan untuk mengatasinya, tetapi perkara mungkar tetap saja terus berlaku.

Dalam hal ini, Allah Subhanahu Wata'ala telah menyediakan satu ubat yang paling mujarab untuk mengubati penyakit sosial itu, iaitu tidak lain bersembahyang sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Ankabuut, ayat 45 tersebut.

Sembahyang yang ditunaikan dengan penuh taat mampu menghalang daripada berlaku perkara-perkara keji dan mungkar. Oleh itu, kewajipan menunaikan

sembahyang itu perlu difahami dan dihayati supaya ia terlaksana dengan baik dan sempurna. Betapa pentingnya sembahyang itu sehati menjadi isi, darah dan daging serta menjadi satu kebiasaan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberi panduan kepada kita supaya sembahyang itu diajarkan kepada anak-anak sejak kecil lagi. Imam Ahmad, Abu Daud dan al-Hakim telah meriwayatkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya :

"Perintahkanlah anak-anak kamu supaya mengerjakan sembahyang ketika berumur tujuh tahun dan pukullah mereka jika enggan mengerjakannya ketika berumur 10 tahun."

Ada beberapa sebab kenapa kita difardukan sembahyang lima waktu sehingga kita perlu melakukannya lima kali sehari semalam dalam apa jua keadaan dan ketika. Antaranya ialah :

- Sembahyang memberi peluang kita untuk berinteraksi dengan Allah.
- Sembahyang memberi peluang kita untuk menggandakan pahala dan penghapusan dosa.
- Sembahyang dapat membentuk mukmin yang kuat dan sihat.
- Sembahyang dapat membentuk kematapan rohani dalam diri.
- Sembahyang dapat memberi keupayaan mental dan kekuatan dalam yang tinggi.

Dengan menjadikan sembahyang itu menjadi satu budaya, ia tidak lagi dirasakan sebagai satu beban bahkan menjadi amalan yang tidak boleh dipisahkan dari kehidupan harian seorang Muslim. Malahan menjadi satu senjata yang ampuh, dan menjadi penyuluh yang akan menerangi kehidupan di dunia dan di akhirat.



MINDA PEMBACA

Bijak menggunakan air, elak pembaziran

AIR merupakan salah satu sumber utama dalam menjalani kehidupan seharian. Air bukan hanya diperlukan dalam tubuh dan kehidupan manusia namun air juga tidak kurang pentingnya terhadap alam sekitar. Perkara ini dapat dihubungkan dengan kehidupan seharian kita yang sering memerlukan air hampir setiap masa. Contohnya, penggunaan air untuk diminum, mandi, memasak, makan dan sebagainya. Begitu juga pentingnya air terhadap alam sekitar. Misalnya, keperluan air terhadap kehidupan haiwan,

tanam-tanaman atau tumbuh-tumbuhan yang perlu disiram dan dijaga untuk mengelakkannya dari layu atau mati. Oleh yang demikian, penggunaan air seharusnya digunakan sebaik mungkin untuk mengelak dari berlakunya pembaziran dan secara tidak langsung memupuk diri sendiri dalam menjimatkan penggunaan air secara berlebihan.

Terdapat beberapa cara untuk melakukan penjimatan air dalam kehidupan seharian kita. Antaranya ialah mengawal dan menghadkan jumlah penggunaan air dari jumlah biasa yang digunakan.

Contohnya, sentiasa memastikan paip utama dan paip-paip lain yang terdapat di rumah dalam keadaan baik, tertutup rapat dan tidak rosak atau bocor. Perkara ini bukan hanya untuk mengawal penggunaan air bahkan untuk mengelakkan dari berlakunya pembaziran tanpa disengajakan. Selain itu, cara penggunaan air untuk melakukan rutin harian juga harus diambil perhatian. Bermula dari menghadkan jumlah air dengan menggunakan gelas ketika memberus gigi. Seterusnya menggunakan baldi untuk mandi. Begitu juga penggunaan air di luar rumah seperti menggunakan alat penyiram bunga untuk menyiram bunga-bunga dan tanam-tanaman yang lain; menggunakan baldi untuk menyuci kereta, garaj, kawasan rumah dan sebagainya.

Dengan melakukan hal sedemikian, ia merupakan beberapa inisiatif kecil bagi memulakan penjimatan dalam menggunakan air untuk keperluan harian. Justeru dengan mengamalkan dan membiasakan inisiatif-inisiatif kecil ini juga akan mendorong diri setiap individu untuk sentiasa prihatin akan kadar penggunaan air di negara ini yang semakin meningkat dari kadar sepatutnya. Perkara ini bukan hanya mengurangkan penggunaan air yang berlebihan bahkan sedikit demi sedikit akan memberikan kesedaran kepada setiap individu dalam menghargai betapa pentingnya penggunaan air dalam kehidupan kita.

Nama : Nur Liana binti Hambali
No. K/P : 01-064601 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kes Kemalangan Jalan Raya Membimbangkan'. Tarikh Tutup : 25 April 2018
2. 'Hargai Hubungan Dengan Keluarga'. Tarikh Tutup : 2 Mei 2018
3. 'Air Kosong Penawar Pelbagai Penyakit'. Tarikh Tutup : 9 Mei 2018

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
Setiap Minggu

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

HBT misi penting pasukan Singapura dan Kemboja



BERAKAS, Selasa, 24 April. - Beraksi pada kejohanan berprestij seperti Piala Hassanal Bolkiah (HBT) Kejohanan Bola Sepak bagi Belia ASEAN 2018 merupakan misi penting bagi pasukan Singapura untuk menempah tiket untuk beraksi di Sukan ASIA yang akan berlangsung di Jakarta kelak.

Keyakinan untuk bersaing dengan berbekalkan komitmen yang tinggi yang dipamerkan oleh seluruh pemain pasukan Singapura jelas memberikan cabaran kepada pasukan lawan.

Perkara tersebut didedahkan oleh Ketua Jurulatih Pasukan Singapura, Fandi Ahmad semasa sidang media yang diadakan di Stadium Negara Hassanal



TAUFIQ Musqminin (Kiri), Ketua Jurulatih, Fandi Ahmad (tengah) dan Pengurus Pasukan, Eric Ong dari Republik Singapura semasa sidang media.

Bolkiah, di sini.

Fandi yang hadir bersama-sama dengan ketua pasukan, Taufiq Mukminin dan pengurus pasukan, Eric Ong bersyukur berkesempatan berada di Brunei Darussalam dalam kejohanan yang berprestij ini.

Tambah beliau lagi, cabaran baginya mengumpulkan para pemain memandangkan rata-rata mereka adalah masih

menuntut dan pelatih khidmat negara (*nasional service*). Walau bagaimanapun beliau yakin kejohanan ini merupakan pendedahan awal bagi separuh skuad beliau dalam kejohanan antarabangsa.

Sementara itu, dalam sidang media berasingan, ketua jurulatih Kemboja, Poak Sovannaoo bakal menurunkan pemain-pemainnya berasal daripada kelab-kelab



JURULATIH Kemboja, Poak Sovannaoo dan pemain utama Onn Chanpolin semasa sidang media.

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

bolasepak yang turut bermain dalam liga tempatan.

Sungguhpun para pemainnya tidak pernah berlatih bersama sebelumnya disebabkan kelab masing-masing terikat kepada kejohanan liga namun beliau

yakin anak-anak didiknya itu mampu untuk mempamerkan permainan yang baik sekaligus mara ke separuh akhir jelas Poak yang hadir bersama ketua pasukannya yang juga pemain posisi tengah, Onn Chanpolin.

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 April. - Dua lagi pasukan bola sepak yang bakal menyertai Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 (HBT) tiba di Negara Brunei Darussalam pada awal dan lewat petang secara berasingan.

Ketibaan pasukan bola sepak Singapura dan pasukan Kemboja di ruang ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah dialu-alukan oleh para pegawai daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD).

Ketua Pasukan Singapura, Eric Ong semasa ditemui menyatakan persiapan yang telah dibuat bagi kejohanan tersebut dan penglibatan pasukan beliau merupakan sukat-sukat bagi menilai kemampuan pasukannya, lebih-lebih lagi ketika bermain di luar negara seperti kejohanan ini.

Beliau menambah, kesemua pasukan mempunyai peluang yang luas, lebih-lebih lagi apabila pasukannya diletakkan bersama pasukan-pasukan yang cukup hebat.

Walaupun bagaimanapun, Eric Ong berkeyakinan pasukannya mampu memberi saingan bagi menempah tiket ke separuh akhir.

Sementara itu Ketua Jurulatih Pasukan Kemboja, Poak Sovannaoo turut berasa gembira dengan kedudukan pasukan Kemboja berada di Kumpulan 'B', dan ini memberikan peluang untuk memerhati pasukan lawan dalam kumpulan yang sama bagi mengatur strategi.

Pasukan Singapura dan Kemboja berada di dalam Kumpulan 'B' bersama-sama dengan Lao PDR, yang mana perlawanan pertama kumpulan tersebut di kejohanan ini akan diadakan pada Rabu, 25 April 2018, iaitu di antara Lao PDR dan Singapura bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Aksi Kumpulan 'B' HBT bermula malam ini



KETIBAAN pasukan bola sepak Singapura (atas) dan pasukan Kemboja (bawah) di ruang ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dialu-alukan oleh para pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD).



Myanmar, Thailand berkongsi satu mata

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman,

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 April. - Myanmar dan Thailand berkongsi satu mata selepas kedua-dua pasukan yang berada dalam Kumpulan 'A' itu mencatatkan keputusan seri 1 - 1 pada Piala Hassanal Bolkiah (HBT) Kejujutan Bola Sepak bagi Belia ASEAN 2018 yang

berlangsung di Kompleks Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas malam tadi.

Dalam perlawanan tersebut, pasukan Myanmar berjersi putih membuka tirai jaringan pada minit ke-65 menerusi Hein Htet Aung manakala pasukan Thailand

menyamakan kedudukan pada minit-minit akhir permainan separuh masa kedua hasil jaringan T.Sirimongkol.

HBT 2018 merupakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama NFABD, dan pada tahun ini ia disertai oleh tujuh buah negara, iaitu Kemboja, Laos, Myanmar, Singapura, Thailand, Timor-Leste dan Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah.

Sementara dalam sidang media bersama pengurus pasukan Bola

Sepak Thailand, Issara Sritaro, beliau menjelaskan untuk berusaha bermain dengan lebih baik pada perlawanan yang akan datang dan berharap dapat memberikan pendedahan kepada pemain-pemain untuk perlawanan seterusnya.

Manakala Ketua Jurulatih pasukan Bola Sepak Myanmar, U Kyi Lwin berasa bangga kerana mendahului pasukan Thailand pada minit 65 dan berharap akan dapat memenangi perlawanan seterusnya.



PEMAIN Myanmar melepaskan rembatan ke gawang Thailand pada aksi Kumpulan 'A' Piala Hassanal Bolkiah (HBT) Kejujutan Bola Sepak bagi Belia ASEAN 2018.



PEMAIN Thailand (kiri) cuba menghalang gerakan pemain Myanmar.

Beraksi cemerlang demi negara



DAYANG Fatin Hasnatul Asilah binti Judin bersama rakan dari Pusat Pembangunan Belia Tanah Jambu mengharapkan pasukan remaja negara beraksi saingan.



AWANG Ashraf Mawardi bin Awang Sidik bersama rakan dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan berharap pasukan Tabuan Muda bermain cemerlang.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Jeffri Pg. Durahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 April. - Stadium Negara Hassanal Bolkiah sekali lagi menjadi medan bagi Piala Hassanal Bolkiah Kejujutan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 (HBT 2018).

HBT 2018 bagi edisi keenam tahun ini membuka tirainya dengan menyaksikan perlawanan di antara skuad negara menentang pasukan Timor Leste.

Teriakan-teriakan penyokong kedua-dua buah negara menggegarkan lagi suasana ruang stadium negara lebih-lebih lagi daripada penyokong pasukan Tabuan Muda yang seawal jam 6.00 petang sudah datang

memenuhi ruang stadium.

Sejurus sebelum perlawanan berlangsung, Pelita Brunei sempat menemu bual beberapa penyokong kedua-dua buah negara.

Dayang Rozliani binti Haji Awang Timbang yang datang dari jam 5.00 petang untuk menyokong pemain kebangsaan berharap para pemain dapat beraksi dengan lebih baik dan memenangi perlawanan.

Beliau juga berharap HBT tahun ini akan jadi milik negara.

Sementara itu, Awang Ashraf Mawardi bin Awang Sidik yang mewakili Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menasihatkan para pemain beraksi cemerlang

demi negara.

"Tunjukkanlah sebagai seorang pemain muda belia yang berdisiplin semasa beraksi di padang perlawanan dan hargai masa perlawanan," tambahnya.

Manakala Dayang Fatin Hasnatul Asilah binti Judin yang mewakili dari Pusat Pembangunan Belia Tanah Jambu menyatakan ini merupakan kali kedua beliau menyaksikan HBT sejak tahun 2012.

Katanya, perlawanan tersebut diharap akan dapat memberikan saingan kepada pasukan lawan malam ini.

Bago Man yang berasal dari Lombok, Indonesia yang mewakili penyokong pasukan Timor Leste pula menjangkakan perlawanan akan memihak kepada Timor Leste dengan jaringan, 2 - 1.

Walaupun mana-mana negara yang kalah menurutnya, ia bukan

satu penghalang untuk terus maju dan para penyokong seharusnya

memberikan sokongan dan kata-kata semangat.



BAGO Man yang berasal dari Lombok, Indonesia mewakili penyokong pasukan Timor Leste.



DAYANG Rozliani binti Haji Awang Timbang berharap pemain negara dapat beraksi lebih baik.

Sukan

INFO SUKAN

NEGARA Brunei Darussalam telah berjaya menganjurkan Kejohanan Piala Hassanal Bolkiah yang sama pada tahun 2002, 2005, 2007, 2012 dan 2014. Pada tahun 2012, Negara Brunei Darussalam telah menjuarai Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN.



ePaper Pelita Brunei

Skwad kebangsaan kalah tipis



AKSI Faiq Jefri Bolkiah pada perlawanan di antara pasukan Negara Brunei Darussalam menentang pasukan Timor Leste.



PEMAIN negara ketika cuba menghalang bola dari masuk ke kawasan gawang.

Oleh: Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin,
Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 April. - Skwad kebangsaan gagal memanfaatkan beraksi di gelanggang dan hadapan penyokong sendiri setelah kalah tipis 0 - 1 di tangan pasukan Timor Leste pada Perlawanan Pembukaan Piala Hassanal Bolkiah (HBT) Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Pada separuh masa pertama menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan, namun pasukan Timor Leste lebih bernasib baik apabila pengadil menganugerahkan sepakan penalti kepada pasukan berkenaan setelah pemain pertahanan negara, Ammar Syafie Hassanuddin mengasari Kapten pasukan pelawat, Jorge Sabas Victor pada minit ke-19.

Peluang tersebut dimanfaatkan dengan baik oleh penyerang pasukan Timor Leste, Henrique Wilson Da Cruz dengan rembatan tajam yang gagal diselamatkan penjaga gawang pasukan tuan rumah, Ishyra Asmin Jabidi seawal minit ke-20.

Namun begitu, pasukan tuan rumah terus saja melakukan beberapa percubaan pada minit ke-26 dan 41 menerusi Faiq Jefri Bolkiah, di mana tandukannya daripada sepakan sudut berjaya dihadang oleh pertahanan Timor Leste dan usaha Naziruddin Haji Ismail untuk menyamakan jaringan tidak kesampaian sehingga tamat separuh masa pertama.

Babak kedua perlawanan

pula menyaksikan pasukan Tabuan Muda bijak mengawal perlawanan dengan melakukan serangan demi serangan, namun masih gagal untuk menjaringkan gol sehingga tamat perlawanan yang menyaksikan pasukan Timor Leste mengutip tiga mata penuh bagi mendahului carta Kumpulan 'A' setakat ini.

Ketika ditemui pada sidang media, Ketua Jurulatih Tabuan Muda, Mario Riviera Campesino menjelaskan, pemain skuad negara bermain dengan sedikit gugup dan melakukan beberapa kecuaiian pada separuh masa pertama, namun berjaya bermain dengan lebih baik pada babak kedua perlawanan.

"Perlawanan pada malam

ini adalah sangat sukar bagi pasukan negara, namun kita akan berlatih untuk memenangi perlawanan yang seterusnya, iaitu menentang pasukan Thailand dan pasukan Myanmar," tambah beliau lagi.

Manakala itu, Ketua Jurulatih Timor Leste, Eduardo Pereira melahirkan rasa gembira kerana buat pertama kalinya berjaya menewaskan pasukan negara di tempat sendiri dan memuji permainan pasukan tuan rumah yang bermain dengan sangat baik dan mencipta beberapa peluang, namun kurang bernasib baik untuk menjaringkan gol.

Perlawanan seterusnya akan menyaksikan pasukan Tabuan Muda berdepan dengan pasukan



Thailand pada 27 April di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



JURULATIH Negara Brunei Darussalam, Mario Riviera Campesino.



JURULATIH Pasukan Timor Leste, Eduardo Pereira.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'PERLINDUNGAN BERSAMA, #VAKSINBERKESAN'

دربیتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.